


**Jilid I
Bil. 21**



**Hari Rabu
4hb Disember, 1974**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1861]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—

Jadual—

Kepala B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 1867]

Kepala B. 23 dan B. 24 [Ruangan 1887]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 1867]

Kepala P. 23 dan P. 24 [Ruangan 1887]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 4hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASSAN ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPHIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).

- Yang Berhormat TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MAT ISA (Larut).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk-Sugut).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O. O.B.E. (Marudu).

„ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).

„ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).

„ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

GURU BESAR—LANTIKAN

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada perlantikan Guru Besar terutama mereka yang bernasib baik ditempatkan di sekolah Gred A dan B telah dikaji semasak-masaknya dan dilakukan dengan penuh keadilan serta tertakluk di bawah peraturan yang sama atau satu sistem yang sama di seluruh negara. Dalam hubungan ini nyatakan:

- (a) samada jawatan Guru Besar itu boleh diturunnaikkan mengikut kelayakan, kebolehan, kecekapan dan daya inisiatif seseorang guru besar;
- (b) bagaimanakah kedudukan gaji seseorang Guru Besar sekiranya ia diturunkan menjadi Guru Penolong; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa gaji Guru Besar di Sekolah Rendah Gred A sekarang berjumlah \$1,150, bersamaan dengan gaji Guru Siswazah Kategori D1 yang sudah berkhidmat 7 tahun di Sekolah Menengah Penuh.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mencuba untuk berlaku adil di dalam melaksanakan gaji baru bagi guru-guru besar. Kementerian menyedari bahawa akan terdapat rasa tidak puas hati di kalangan sebahagian guru-guru, akan tetapi sebagaimana yang saya telah jelaskan di Dewan ini, di persidangan yang sedang berjalan sekarang, Kementerian tidaklah dapat memuaskan semua hati guru-guru.

- (a) Perlantikan seorang Guru Besar adalah dibuat mengikut peraturan-peraturan perkhidmatan dan kelayakan seseorang, dari segi kelulusan, kebolehan, kekakanan dan kesesuaian. Penetapan gred jawatan Guru Besar adalah bergantung kepada tugas-tugas dan tanggungjawab Guru Besar tersebut. Jawatan Guru Besar tidak boleh diturunnaikkan mengikut kelayakan,

kebolehan, kecekapan dan daya inisiatif seseorang Guru Besar; akan tetapi seorang yang menjawat jawatan Guru Besar boleh diturun atau dinaikkan pangkatnya.

- (b) Gaji hakiki (substantive) seorang Guru Besar tidak akan diturunkan jika ia ditugaskan sebagai Guru Penolong. Walau bagaimanapun, beliau akan layak menerima tanggagaji jawatan Guru Penolong itu dan elaun pemangku atau elaun tanggungan kerja sekiranya gaji Guru Penolong yang dijawab itu lebih tinggi dari gaji hakikinya.
- (c) Ya, saya sedar.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU DI MALAYSIA—MEMAJUKAN

2. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat lebih kurang 400 kampung-kampung baru di Malaysia Barat dengan 900,000 orang-orang duduk di dalamnya. Jika ya, berapa banyak wang yang telah diperolehi daripada Kerajaan untuk memajukan kampung-kampung ini bagi tempoh lima tahun yang akan datang.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya di Semenanjung Malaysia ada terdapat lebih kurang 465 kampung-kampung baru dengan kira-kira 1,018,600 orang penduduknya.

Di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua Kerajaan Pusat telah memperuntukan wang (grants) sebanyak \$10 juta untuk menolong Kerajaan-kerajaan Negeri dalam masaalah-masaalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru.

Peruntukan bagi jangka masa 5 tahun akan datang tidak diketahui keseluruhannya. Bagi tahun 1975 peruntukan sebanyak \$3 juta telah dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun itu. Oleh kerana tahun 1976 sehingga tahun 1979 adalah tahun-tahun yang akan termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga maka peruntukan-peruntukan bagi tahun-tahun ini tidaklah dapat saya beri pada masa sekarang. Ahli Yang

Berhormat akan dapat mengetahuinya sebaik sahaja Rancangan Malaysia Ketiga siap diatur dan diluluskan kelak.

PERUNCIT-PERUNCIT BERAS

3. Tuan K. Pathmanaban bertanya kepada Menteri Penyelaras Perbadanan-perbadanan Awam apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya peruncit-peruncit dibekalkan dengan beras dengan harga yang berpatutan supaya mereka dapat menjual beras itu mengikut harga-harga yang ditentukan oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan bekalan beras yang mencukupi dengan harga yang berpatutan kepada peruncit-peruncit dan seterusnya kepada pengguna-pengguna, L.P.N. telah mengadakan sistem kawalan harga, stockpile beras serta memastikan sistem pengedaran yang ada sekarang ini berjalan dengan lancar. L.P.N. juga telah menubuhkan satu unit kawalan harga pada bulan Mei, 1974 khas untuk menjalankan tujuan-tujuan dan peraturan-peraturan di bawah perintah Kawalan Harga Beras, 1974. L.P.N. juga mengadakan gudang-gudang stockpile beras di Pulau Pinang, di Kelang, di Kuala Lumpur, di Kajang, di Seremban, di Melaka, di Johor Bahru, di Temerloh, di Kuantan dan di Kuala Trengganu bagi memastikan bekalan beras sentiasa ada untuk mengatasi segala keperluan, khasnya ketika berlaku kecemasan. Melalui sistem pengedaran sekarang di mana telahpun ada 1,287 orang pemborong-pemborong yang dilesenkan, L.P.N. akan memastikan bahawa bekalan beras kepada mereka samada daripada stockpile ataupun daripada kilang-kilang swasta tidak akan terganggu. Pemborong-pemborong tersebut akan membekalkan beras ini kepada lebih kurang 23,118 orang peruncit-peruncit yang telah dilesenkan oleh L.P.N. di seluruh negara. Melalui sistem pengedaran ini bekalan beras kepada peruncit-peruncit adalah terjamin. L.P.N. juga mengawasi penjualan-penjualan serta grade beras yang dijual oleh kilang-kilang swasta kepada pemborong-pemborong dan seterusnya kepada peruncit-peruncit. Dengan adanya unit kawalan harga beras maka kawalan ke atas harga serta grade beras akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Oleh yang demikian, peruncit-peruncit tidaklah perlu bimbang kerana beras adalah satu barang yang dikawal harganya di bawah Perintah Kawalan Harga Beras yang sedang dikuatkuasakan. Sekiranya terdapat perbuatan-perbuatan menaikkan harga atau mengubah grade beras, maka orang ramai hendaklah berkerjasama dengan memberikan maklumat-maklumat supaya L.P.N. dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sekarang under the counter payment sedang dibuat kepada pemborong-pemborong beras oleh peruncit-peruncit untuk mendapatkan bekalan beliau, dan jika sedar, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang mengadakan kawalan harga ke atas pemborong-pemborong ini?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi jika ada perkara-perkara yang dianggap tidak wajar dan menyalahi undang-undang kalau orang ramai mengetahuinya dan kalau Ahli Yang Berhormat sendiri mengetahuinya, maka menjadi kewajipan kepada orang ramai dan juga kepada Ahli Yang Berhormat sendiri untuk memberitahu kepada L.P.N.; tidaklah payah mengambil masa Dewan ini untuk mengemukakan perkara tersebut. Walau macam manapun, saya tidak sedar mengenai perkara ini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu ada bukti-bukti yang sah berlakunya perkara yang sedemikian, maka kita bersedia menerima apa-apa laporan yang dibuat dan kita akan mengambil tindakan yang tertentu mengenainya.

PROJEK DERMAGA KEDURONG

4. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah projek dermaga Kedurong berharga 5 juta ringgit akan siap.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, projek dermaga Kedurong masih dalam Kajian Kemungkinan. Laporan mengenainya dijangka siap pada pertengahan tahun 1975. Keputusan mengenai pembinaan projek tersebut menunggu pertimbangan Kerajaan atas syor-syor laporan tersebut.

GAJI RENDAH PEKERJA-PEKERJA

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada Majlis Gaji telah bermesyuarat untuk menentukan tambahan gaji bagi penolong-penolong kedai, pekerja-pekerja hotel, pekerja-pekerja panggung wayang, pekerja-pekerja mengangkut barang-barang memandangkan keadaan inflasi sekarang; dan
- (b) samada menjadi tujuan Kerajaan mengadakan Undang-undang Majlis Gaji untuk meliputi perusahaan elektronik dan industri-industri yang lain di mana gaji rendah dibayar.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Majlis Gaji bagi Pemungkah-pemungkah Kapal, Pengendali-pengendali Muatan dan Anak-anak Sekuci bagi Pelabuhan Pulau Pinang telah bermesyuarat berbincang dan telah memperakukan kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat kadar-kadar gaji yang baru.

Kadar-kadar gaji yang baru ini yang memberi pertimbangan kepada kenaikan sara hidup sekarang telah berkuatkuasa pada 16-7-1974. Majlis Gaji bagi Pekerja-pekerja Panggung Wayang, Pembantu-pembantu Kedai dan bagi Pekerja-pekerja Perhidangan Makanan dan Hotel, sedang menimbangkan syorsor bagi kadar gaji yang baru berikutan dengan kenaikan sara hidup sekarang.

- (b) Bukanlah menjadi tujuan Kerajaan untuk menubuhkan Majlis Gaji bagi perusahaan elektronik kerana gaji-gaji dalam perusahaan ini telahpun mencapai peringkatnya sendiri iaitu bagi perempuan dari \$3.80 hingga \$5.26 sehari dan bagi laki-laki dari \$5.60 hingga \$5.75 sehari.

Melainkan, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dapat menyatakan apakah jenis-jenis industri atau industri-industri yang dimaksudkannya apabila beliau menyentuh tentang "lain-lain industri di mana gaji rendah dibayar". Saya dukacita tidak dapat jawapan secara umum atas perkara ini.

SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN

6. Tuan Lee Boon Peng bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian samada beliau sedar bahawa Pendaftar Perniagaan mengikut Peruntukan Seksyen 12B, Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (The Provision of Section 12B of the Business Registration Ordinance) telah mengenakan denda sebanyak \$200 terhadap sesiapa yang gagal membuat pembaharuan Sijil Pendaftaran pada masa yang dijadualkan, walaupun terlambat beberapa hari atau seminggu sahaja. Jika ya, samada beliau sedar bahawa perkara ini telah menimbulkan kesudahan kepada peniaga-peniaga kecil khususnya kepada peniaga-peniaga di kampung-kampung luar bandar yang jumlah pendapatan bulanannya selalu tidak sampai \$200.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Mantin bahawa Pendaftar Perniagaan mengikut peruntukan Seksyen 12B Ordinan Pendaftaran Perniagaan (The Provision of Section 12B of the Business Registration Ordinance) telah mengenakan denda sebanyak \$200 terhadap sesiapa yang gagal membuat pembaharuan Sijil Pendaftaran pada masa yang dijadualkan, walaupun terlambat beberapa hari atau seminggu sahaja adalah tidak benar.

Pendaftar Perniagaan hanya menawarkan kompaun sebanyak \$200 terhadap sesiapa yang gagal membaharui Sijil Pendaftaran lebih dari 3 tahun pada tarikh yang dijadualkan. Walaupun kompaun ini telah dikenakan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 12B tersebut, pertimbangan sentiasa diberi oleh Pendaftar Perniagaan kepada rayuan-rayuan yang diterima bagi mengurangkan kadar kompaun yang ditawarkan itu.

PEJABAT POS DI KAMPUNG BARU MAMBANG DI AWAN

7. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar Kg. Baru Mambang Di Awan mempunyai lebih sepuluh ribu penduduk tetapi tidak mempunyai sebuah Pejabat Pos, dan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membina sebuah Pejabat Pos. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pada masa ini Kampung Baru Mambang Di Awam tiada mempunyai Pejabat Pos. Bagaimanapun, rancangan bagi membina sebuah Pejabat Pos di kawasan itu sedang dipertimbangkan untuk dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Jawatankuasa

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (3hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Kepala B. 1 hingga B. 12 (Jadual)—

*Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pem-
angunan, 1975)—*

2.48 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Pengerusi, saya sukacita melihat ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat baik daripada pihak Kerajaan ataupun dari pihak Pembangkang yang telah bercakap dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Pembangunan, 1975 bagi Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Teguran-teguran, syor-syor, pandangan-pandangan dan pujian-pujian dan tahniah sungguhpun sedikit sekali daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sangatlah dihargai, dan saya harap dengan jawapan, penerangan dan penjelasan yang saya berikan ini sebarang perasaan tidak puas hati ataupun syak wasangka akibat daripada kurang pene-

rangan dapat dihapuskan. Diharap sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memandag dan menghargai usaha-usaha Kerajaan yang telah Kerajaan ambil, sedang dan akan ambil untuk melicinkan lagi pentadbiran Kerajaan supaya perkhidmatan kepada rakyat-rakyat bertambah baik dan cepat.

Saya sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas cadangan-cadangan membina atau "constructive" mereka dan segala apa yang diucapkan, samada dijawab sekarang atau tidak pun akan mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak Jabatan Perdana Menteri dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil jika perlu pada masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan seperti saya tegaskan berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini berhasrat untuk menjalankan jentera pentadbirannya dengan licin dan "efficient" serta melaksanakan segala rancangan dengan sempurna dan dengan minimum red-tape dan saya percayalah dengan kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai, Menteri-menteri dan rakyat sekalian hasrat kita untuk memberi khidmat dan kesejahteraan kepada rakyat semua bangsa, semua peringkat di negara ini akan dapat dilaksanakan. Sekarang sukaiah saya menjawab dan memberi penerangan di atas beberapa masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jawapan-jawapan dan penerangan berkenaan dengan masalah-masalah pentadbiran akan didahului dan masalah politik saya akan menjawabnya kemudian.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin menggunakan bahasa Inggeris dari satu masa ke satu masa dalam ucapan saya ini. Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh tentang kekurangan Majistret dan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen. Sekarang, ini ada 9 kekosongan sahaja dalam jawatan Mejistret dari jumlah 56 jawatan yang ada. 7 orang Majistret telah meletakkan jawatan dalam tahun ini hingga 30hb Oktober berbanding dengan 9 orang dalam tahun 1974. Mereka telah meletakkan jawatan kerana memasuki lapangan swasta atau badan-badan berkanun ataupun kerana sebab-sebab peribadi atau persendirian. Mereka adalah bebas berbuat demikian dan Kerajaan tidak menghalang mereka.

Kerajaan sedang memikirkan samada untuk menambahkan bilangan penuntut-penuntut di Fakulti Undang-undang (Faculty of Law) di University Malaya daripada 50 kepada angka yang lebih besar lagi supaya lebih ramai Siswazah-siswazah Undang-undang lulus dari University Malaya tetapi ini bergantunglah pula kepada "cost factor" dan kepada "availability of funds". Selain dari itu, Kerajaan juga bercadang mengambil pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Pentadbir Melayu yang berkelulusan Ijazah "Am (B.A.) sebagai Majistret Sementara dengan memberi biasiswa-biasiswa kepada mereka yang sesuai untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang.

Tuan Pengerusi, mengenai kelambatan pelaksanaan atau perbicaraan kes-kes di Mahkamah-mahkamah, Kerajaan memang sedar banyak lagi kes-kes yang belum diselesaikan. Walau bagaimanapun, kelewatan ini bukanlah semata-mata kerana kekurangan Pengadil-pengadil tetapi adalah juga kerana beberapa sebab lain—umpamanya saksi-saksi tidak dapat hadir di Mahkamah, peguam-peguam sendiri kadangkala dan sering meminta tangguh kerana urusan di Mahkamah-mahkamah lain atau hal-hal yang lain. Berkenaan kes-kes sivil (civil cases) pula, Mahkamah tidak boleh memaksa peguam-peguam membawa atau mempercepatkan kes-kes mereka. Selain dari itu perlu diingatkan bahawa beban-kerja (workload) di Mahkamah-mahkamah semakin bertambah kerana banyaknya undang-undang baru yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa. Bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memerhati dan mengawasi hal ini dan tindakan-tindakan tegas yang telah diambil termasuklah:

- (a) melantik lebih ramai Hakim-hakim baru. Dalam tahun ini sahaja umpamanya 5 orang Hakim baru telah dilantik termasuk seorang bagi Negeri Sabah;
- (b) mengeluarkan arahan kepada semua Majistret dan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen mengemukakan laporan bulanan kepada Hakim masing-masing yang menunjukkan bukan sahaja bilangan kes-kes yang diselesaikan tetapi juga sebab-sebab mengapa satu-satu kes itu tidak dapat diselesaikan dengan segera;

- (c) menambahkan jawatan-jawatan Majistret dari 48 pada tahun 1971 menjadi 56 pada tahun ini;
- (d) meminda Ordinan Terafik, 1958 supaya pihak Polis diberi kuasa mengkompaunkan kesalahan-kesalahan kecil terafik dan dengan demikian mengurangkan beban kerja Mahkamah;
- (e) membenarkan seseorang yang melakukan kesalahan kecil mengaku salah melalui surat sahaja;
- (f) mengambil beberapa pesara-pesara sebagai Majistret-majistret Sementara;
- (g) memperbaiki Sekim Perkhidmatan Kehakiman dengan mengadakan Tingkatan kanan (Senior scale) atas tanggaji \$1,500 hingga \$1,900 dan menaikkan pangkat 15 orang pegawai Kehakiman dan 17 pegawai Perundangan secara memangku kepadanya mulai 1hb November, 1973;
- (h) mengujudkan beberapa jawatan-jawatan di peringkat Tingkatan Tertinggi.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan bangunan-bangunan Mahkamah pula sukalah saya menyatakan bahawa sejak awal Rancangan Malaysia Kedua, 14 buah Mahkamah baru telah dibina di Sitiawan, Pontian, Kulim, Sungai Siput, Slim River, Lenggong, Kajang, Parit, Kemaman, Tanah Merah, Pasir Puteh, Machang, Kuantan dan Dungun. Peruntukan sebanyak \$800,500 yang dipohonkan itu ialah untuk pembinaan Mahkamah-mahkamah baru yang dicadangkan di Jitra, Alor Setar, Parit Buntar, Taiping, Sabak Bernam (Sungai Besar), Alor Gajah, Bahau, Rembau, Port Dickson, Pekan, Rompin, Tampin dan Pasir Mas yang mana setengahnya adalah projek-projek lanjutan (continuation project). Peruntukan sebanyak \$680,000 adalah diminta untuk membina sebuah Mahkamah Tinggi di Sibu dan sebanyak \$410,000 lagi dikehendaki bagi pembinaan Mahkamah-mahkamah baru di Tawau, Keningau dan untuk membesarkan Mahkamah di Sandakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sukalah saya menjelaskan di sini bahawa semua Mahkamah baru adalah dilengkapi dengan perabot dan alat kelengkapan baru dan kamar-kamar pengadil dihawadnginkan. Yang demikian tidaklah dikehendaki peruntukan yang berasingan bagi tujuan tersebut di Mahkamah-mahkamah baharu itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Dewan Keadilan (Hall of Justice) Kerajaan terpaksa menangguhkan rancangan dianggarkan berharga lebih \$4 juta ini semata-mata sebagai satu langkah untuk menjimatkan wang. Persetujuan pada dasarnya untuk menempatkan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah-mahkamah Tinggi di Bangunan Sultan Abdul Samad yang indah, bersejarah dan masyhor di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur ialah satu bukti bahawa Kerajaan sentiasa meletakkan kedaulatan undang-undang di tempat yang amat tinggi dan sempurna di negara kita ini. Pilihan Bangunan Sultan Abdul Samad ini adalah satu pilihan yang "popular" dengan judges, lawyer-lawyer dan Bar Council kerana bakal Hall of Justice adalah a beautiful and superbly distinctive building—right in the centre of the city. Bangunan Sultan Abdul Samad ini luas dan cukup untuk keperluan Mahkamah Tinggi sekurang-kurangnya untuk 10 tahun akan datang. Bangunan ini termasuklah Secretariat Selangor dan Perbandaraan sekarang. Bangunan Sultan Abdul Samad ini akan mencerminkan keadilan, and the Rule of Law, yang menjadi satu kebanggaan kepada rakyat semua bangsa di negara ini.

Sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas mencadangkan supaya J.P.-J.P. kita dilantik sebagai Majistret mengikut amalan di United Kingdom, keadaan di United Kingdom seperti saudara saya Yang Berhormat dari Kepala Batas tahu adalah berlainan hakikatnya di Malaysia ini, dan dengan itu saya dukacita menyatakan bahawa pada ketika ini Kerajaan tidak dapat menyetujui cadangan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur telah membangkitkan kelambatan melantik pegawai-pegawai bagi Pendaftaran Negara dan Perancang Bandar, Dewan Bandaraya.

Perancang Bandar, Dewan Bandaraya tidak termasuk di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kerana Dewan Bandaraya adalah sebuah Badan Berkanun yang melantik kakitangannya sendiri.

Berkenaan dengan kelambatan perlantikan kakitangan adalah diakui bahawa jika berlaku kekosongan di dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik biasanya mengambil masa lebih kurang 6 bulan untuk menyelesaikan

kerja-kerja perlantikan. Tiap-tiap satu kekosongan dalam Kumpulan ini biasanya diterima antara 6,000 sehingga 8,000 permohonan dan ini mengambil masa untuk memprosesnya.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Lumpur bahawa kenaikan pangkat dan tindakan tatatertib telah diturunkan atau dipindahkan kepada Ketua-ketua Jabatan untuk diselenggarakan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu semenjak tahun 1967 lagi. Oleh itu tidaklah tepat jika dikatakan kelewatan itu (jika ada) disebabkan oleh kelewatan dari pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hanya menyelenggarakan rayuan yang timbul dari Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib; dan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib bagi dua Kerajaan Negeri iaitu Negri Sembilan dan Perlis.

Kembali balik kepada sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas. Hanya kedudukan yang sebenarnya ialah peruntukan bagi tahun 1975 berjumlah \$3,662,600 yang ditunjukkan di bawah 4100 (13) iaitu Pusat Latihan Pembangunan Masyarakat. Ini adalah kesilapan cetakan (printing error) telah berlaku Angka \$100,000 itu sepatutnya ditunjukkan di bawah Pecahan-kepala 1400 (14).

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jasin telah membangkitkan soal menyelaraskan tanggagaji Penghulu-penghulu dan Penggawa-penggawa di negeri-negeri Semenanjung. Ahli Yang Berhormat dari Jasin merasa tidak puas hati oleh kerana gaji Penghulu-penghulu dan Penggawa-penggawa sekarang adalah tidak seimbang langsung, beliau telah mendakwa bahawa hal gaji Penghulu-penghulu di Melaka yang bermula dari \$220 dan mati pada peringkat \$370, walhal gaji Penghulu-penghulu di Johor bermula dari \$310 dan mati pada \$500 atau \$600. Beliau seterusnya mencadangkan supaya tanggagaji Penghulu/Penggawa diselaraskan dan diperbaiki lagi.

Bagi menjawabnya "Kerajaan sedar akan terdapatnya keadaan yang tidak seimbang tanggagaji Penghulu-penghulu/Penggawa-penggawa di negeri-negeri Semenanjung, tetapi keadaan ini tidaklah seburuk seperti yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengikut perakuan Lapuran Suffian tanggagaji Tingkatan Biasa Penghulu-penghulu di Melaka bermula dari \$220 dan mati pada \$500, sementara tanggagaji Tingkatan Biasa Penghulu-penghulu di Johor juga bermula dari \$220 dan tidak \$310 seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu dan mati pada \$700. Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan yang tidak seimbang ini. Satu tanggagaji baru bagi semua Penghulu-penghulu/Penggawa-penggawa telahpun dipersetujui dengan mana tanggagaji maksima Tingkatan Biasa semua Penghulu-penghulu/Penggawa-penggawa telah dinaikkan kepada \$725. Dengan tanggagaji yang baru ini juga Penghulu-penghulu/Penggawa-penggawa berpeluang untuk dinaikkan pangkat ke gred Tingkatan Tertinggi dengan tanggagaji maksima sebanyak \$1,000 sedangkan dalam struktur tanggagaji lama mereka hanya berpeluang naik ke Tingkatan Khas dengan tanggagaji maksima sebanyak \$800 sahaja. Ini adalah satu tingkatan tambahan untuk Kerjaya (Career) bagi perkhidmatan Penghulu dan Penggawa. Di samping itu Kerajaan telah juga bersetuju membayar Elaun Khas atau Elaun Luar kepada Penghulu-penghulu dan Penggawa-penggawa sebanyak \$75 bagi mereka yang berada dalam Tingkatan Biasa dan \$100 bagi mereka yang berada dalam Tingkatan Khas dan Tinggi memandangkan tugas-tugas mereka yang istimewa. Keputusan Kerajaan ini telahpun disampaikan kepada pihak Kesatuan Penghulu dan Penggawa dan adalah diharapkan pihak Kesatuan akan merasa puas hati. Keputusan ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan tidak berapa lama lagi.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, a number of Honourable Members raised the question of revising the present salary scales and terms and conditions of service for the Parliamentary staff by virtue of their special position and increases in workload. This one seems to be a popular subject—every Member wants to help the Parliamentary staff, including this Speaker! This is one rare occasion where the Opposition and Government Members are in complete agreement. However, the salary scales for Government employees in general and the Parliamentary staff in particular have been revised with the implementation of Suffian Salary Scales and terms and conditions of service with effect from 1st January, 1970. It is felt that the

present salary scales and terms and conditions of service for the Parliamentary staff are adequate and comparable with the salary scales and terms and conditions of service of other Government employees. Still, the Government have recently announced the setting up of a new Salaries Commission to review the salary scales and terms and conditions of all Government employees including those in the Statutory Bodies and Local Authorities. The Commission is expected to start work on 1-1-75 and I am sure and confident that the Commission will give a fair and thorough study of the salary scales and terms and conditions for the Parliamentary staff.

Yang Berhormat dari Kepala Batas lagi telah bercakap di bawah berbagai-bagai kepala. Antaranya berkenaan Kapal Haji. Syarikat Great Malaysia Line yang membawa Jemaah Haji tiap-tiap tahun adalah satu syarikat "private". Lembaga Tabung Haji ada perjanjian dengan syarikat ini untuk membawa Jemaah Haji dari satu tahun ke satu tahun. Kapal Haji Malaysia atau Great Malaysia Line ada mengibarkan bendera Malaysia, tiap-tiap kali mereka belayar membawa Jemaah Haji sungguhpun kapal-kapal mereka didaftarkan di Panama. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas tidak dapat lihat bendera Malaysia dalam kebakaran yang dikatakannya. Harus bendera Malaysia terbakar. Saya suka menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas untuk melawat Kapal Haji pada tahun hadapan di Penang ataupun di Port Kelang.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Dungun, saya mengaku bahawa pengeluaran wang oleh pendeposit-pendeposit Tabung Haji adalah lewat di masa yang lampau. Tetapi sekarang dengan adanya "computer", Tabung Haji dapat mengeluarkan wang pendeposit-pendeposit dalam tempoh selewat-lewatnya satu bulan dan urusan penghantaran wang deposit dari cawangan-cawangan ke Ibu Pejabat pun akan dipercepatkan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah meminta tambahan Pelayaran dan Penerbangan untuk Jemaah-jemaah Haji. Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menimbangkan hal ini. Tetapi oleh kerana menyewa kapalterbang melibatkan perbelanjaan yang besar dan mengaturnya pula

memakan masa yang panjang maka Tabung Haji terpaksa membuat persediaan penerbangan ataupun pelayaran beberapa bulan sebelum satu-satu musim Haji itu. Tiap-tiap satu permohonan yang diterima dalam tempoh yang tertentu sebelum musim Haji tetap mendapat tempat dalam penerbangan ataupun pelayaran. Mereka yang membuat permohonan hanya beberapa minggu sebelum penerbangan sukar diatur untuk mendapat tempat baik dalam kapalterbang ataupun dalam kapal. Dalam musim Haji tahun 1975/1976 misalnya bakal-bakal Jemaah Haji mendaftar dengan Tabung Haji selewat-lewatnya pada bulan Mei tahun 1975. Dengan demikian Tabung Haji bolehlah mengaturkan jumlah pelayaran dan penerbangan dalam musim Haji tersebut. Mereka yang memohon selepas bulan Mei tahun 1975 adalah sukar untuk diberi tempat dalam penerbangan dan pelayaran musim itu.

Tuan Pengerusi, the Honourable Member for Kepong, as usual spoke on many subjects, including on the staffing of the Audit Department. I would like to inform him that, in 1975, 32 new posts have been approved for the Audit Department. However, I can assure Ahli Yang Berhormat for Kepong that should there be any new audits undertaken by the Auditor-General, any requests for new posts will be considered by the Government.

With regard to FIMA, I would like to inform the House that FIMA was registered as a private company under the Companies Act. As the Law now stands the Auditor-General is not empowered to undertake the audit of companies registered under the Companies Act.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin telah juga menyentuh berkenaan dengan Pensioners. Bayaran sementara (interim payment) akan faedah-faedah persaraan adalah dilakukan jika didapati sebarang keraguan mengenai butir-butir perkhidmatan seseorang pesara itu. Bayaran sementara ini (interim payment) adalah dilakukan dengan tujuan mengelakkan kesusahan kepada pesara-pesara yang berkenaan. Jika bayaran faedah-faedah itu hanya akan dilakukan apabila pengesahan mengenai butir-butir perkhidmatan itu diperolehi, maka faedah-faedah itu tidak akan dapat dibayar kepada pesara-pesara tersebut. Dengan yang demikian bayaran sementara (interim payment) adalah dilakukan. Bagi setengah-setengah

kes pesara-pesara telahpun dibayar tunggakan elaun tambahan dan elaun bantuan khas di mana yang berkenaan, tetapi pembayaran pemulihan pencen penuh tidaklah dapat dilakukan. Ini adalah disebabkan butir-butir mengenai tarikh persaraan serta jumlah pencen penuh tidak diketahui. Walau bagaimanapun, setiap usaha adalah dilakukan bagi memperolehi butir-butir tersebut dan tunggakan-tunggakan itu akan dibayar apabila sahaja butir-butir itu diperolehi nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera juga menyentuh tentang kelambatan dalam pembayaran pencen kepada pesara-pesara. Kerajaan memang sedar kadang-kadang ada kelambatan berlaku dalam pembayaran pencen. Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu saya rasa tidaklah payah saya ulangkan lagi sebab-sebabnya. Namun begitu tindakan-tindakan telahpun diambil untuk memusatkan sistem memproses kertas-kertas pencen dan juga sistem pembayaran dengan menggunakan komputer dengan tujuan mengelakkan dari kelewatan pembayaran pencen kepada pesara-pesara. Kerajaan sebenarnya bukan seronok melewatkan perkara ini dan saya berharap dengan adanya penggunaan komputer itu beberapa perubahan dan kebaikan akan berlaku dan keputusan yang cepat akan diperolehi.

Lima, enam, tujuh Ahli Yang Berhormat telah bercakap berkenaan dengan pendaftaran terus menerus bagi pengundi-pengundi dan bilakah disiapkan laporan Jawatankuasa Penyiasat nama-nama yang tercicir daripada Daftar Pemilih. Berhubung dengan cadangan untuk menimbangkan pendaftaran secara terus-menerus atau sepanjang masa dalam setahun (all throughout the year) satu Jawatankuasa Menteri telah ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan perkara ini oleh kerana Kerajaan sedang menunggukan laporan Jawatankuasa Menteri ini adalah lebih baik, jika saya jangan buat apa-apa jawapan lebih daripada setakat ini. Suruhanjaya Pilihanraya akan mengkaji laporan Jawatankuasa Keciciran yang dijangka siap dalam masa 2 minggu lagi dan sehingga kajian tersebut diteliti oleh Suruhanjaya Pilihanraya, lebih baik saya tunggu dahululah.

Saya suka memaklumkan bahawa bagi tahun-tahun akan datang dan seterusnya Suruhanjaya Pilihanraya akan melantik kakitangan Kerajaan untuk menjalankan pendaftaran dan penyemakan Daftar Pemilihan dan tidak lagi belia-belia.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh berkata, Malaysia ialah negara yang kaya dan tanahnya luas. Oleh yang demikian tidak mustahak merancang keluarga. Sungguhpun negara kita adalah sebuah negara yang kaya jika dibandingkan dengan negara-negara tetangga atau our neighbours dan lain-lain lagi Kerajaan telah menimbangkan perkara ini daripada beberapa segi, dan adalah didapati bahawa: Uncontrolled rate of population growth will impede economic and social development of our country in the long run. Therefore, the National Family Planning Programme has been incorporated in the First and Second Malaysia Plans and in keeping with the aspirations of the New Economic Policy. Oleh yang demikian, kita terpaksa menggalakkan rancangan keluarga kepada siapa yang ingin. Kerajaan tidak paksa siapa-siapa yang tidak mahu beranak dan kita tidak larang pada mereka yang mahu beranak.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, Rancangan Keluarga Negara dijalankan di kawasan bandar sahaja, saya suka memberitahunya bahawa Rancangan Keluarga Negara telah mula dijalankan di bandar-bandar semenjak tahun 1967 lagi. Ia hanya dimulakan di kawasan-kawasan luar bandar pada awal tahun 1971. Sehingga pada hari ini pun rancangan keluarga tidaklah meliputi kesemua kawasan luar bandar. Di kawasan luar bandar rancangan keluarga digalakkan di kampung-kampung Melayu, di kampung-kampung baru China (New villages dan di ladang-ladang getah dan kelapa sawit).

Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Kepala Batas must have picked up this subject, Family Planning, perhaps out of personal frustration. He seems envious because

Tuan Pengerusi: I suggest you should not refer to anything personal.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menarik balik apa yang dikatakan tadi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas minta Yang Berhormat menarik balik perkataan-perkataan yang disebutkan tadi.

Datuk Abdullah Ahmad: Mr Chairman, Sir, if he feels very strongly about it, I withdraw.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: I do not feel strongly about it. I only ask for the maintenance of the dignity of this House and that the Honourable Deputy Minister observe the Rules and Standing Orders.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat has already withdrawn it.

Datuk Abdullah Ahmad: I have.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli lagi telah membuat teguran tentang kekurangan Magistrate-magistrate termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan Permatang Pauh dan juga Ahli dari Saratok. Oleh kerana saya telahpun memberi penjelasan dalam perkara ini sebentar tadi tatkala menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa tidaklah perlu saya mengulas hal ini lagi. Cuma saya suka menyatakan kepada Dewan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh itu sendiri ialah seorang bekas Magistrate yang telah meletakkan jawatan untuk mencemburkan diri dalam lapangan politik.

Berkaitan dengan kekurangan Jurubahasa-jurubahasa yang juga disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan beberapa orang lagi, saya mengaku ini benar dan telahpun dimaklumkan tentang hal ini seminggu yang lalu: bilangan kekosongan ialah 32 atau kira-kira $\frac{1}{3}$ dari jumlah 240 jawatan yang ada sepertimana yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Akan tetapi suka saya menyatakan kepada Dewan ini bahawa dengan usaha dan azam Kerajaan 15 daripada kekosongan itu sekarang telahpun dapat diisi menjadikan jumlah kekosongan tinggal 17 sahaja. Mengenai pengambilan pesara-pesara pula yang dikatakan telah menimbulkan "kepincangan" itu adalah ditegaskan

bahawa langkah ini adalah untuk sementara sahaja dan mereka itu adalah menyelenggara-kan kes-kes yang mudah dan senang. Menyentuh tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera supaya satu Yunit Khas ditubuhkan bagi menilai hukuman-hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah, Kerajaan tidaklah ada rancangan untuk mengujudkan yunit sedemikian pada waktu ini.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka supaya sekim perkhidmatan Majistret dikaji lebih menarik, perkara ini telahpun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini bulan lalu dan yang demikian tidak perlu saya mengulas hal ini dengan panjang lebar, tetapi suka juga saya berkata bahawa walau bagaimana baik pun scheme of service akan ada juga antara mereka yang akan meletakkan jawatan atas sebab-sebab yang lain pula. Ini adalah hakikat hidup dan alam.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu, pada fikiran saya, beliau baru sahaja dilantik sebagai seorang ahli Perbadanan Pembangunan Bandar atau UDA, patutlah bersama-sama menimbangkan di dalam perancangan UDA sendiri. Barangkali kalau UDA merasa ianya ada kemampuan, tentulah UDA boleh meluaskan aktivitinya ke arah mengadakan projek perumahan khas yang dicadangkan itu. Bagaimanapun, tidaklah benar apa yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu tentang tiadanya tindakan mengenai squatters atau setinggan-setinggan, kerana tentulah beliau tahu dan melihat sendiri rancangan-rancangan perumahan yang ada di Kampung Pandan, rumah-rumah pangsa di Jalan Pekeliling, Jalan Loke Yew dan Sungai Besi. Kementerian Perumahan telahpun meminta peruntukan yang besar tahun ini dan saya percaya projek menempatkan setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan termasuk dalam rancangannya.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, kelewatan Suruhanjaya di dalam menjalankan urusan pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang baharu adalah tidak dapat dielakkan oleh sebab-sebab yang tertentu. Mengenai pengambilan kakitangan Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan tidak ada menguruskan perlantikan-perlantikan

bagi mengisi kekosongan berkenaan dengan kerja-kerja ini di Jabatan-jabatan Persekutuan oleh kerana kuasa bagi membuat perlantikan jawatan-jawatan di dalam Kumpulan ini telah diturunkan atau dipindahkan kepada ketua-ketua Jabatan Persekutuan. Jika sekiranya sesuatu Jabatan atau Kementerian Persekutuan itu tidak ada kuasa perlantikan ini Ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah memohon kepada Suruhanjaya supaya kuasa perlantikan ini diturunkan kepadanya. Selain dari itu, ada juga kemungkinan bahawa jawatan-jawatan itu jawatan negeri dan pengisian jawatan-jawatan negeri tidaklah di bawah kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, melainkan bagi negeri-negeri Perlis, Pulau Pinang, Negri Sembilan dan Melaka.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Saratok; Suruhanjaya ini tidak ada menghadapi apa-apa masalah di dalam menguruskan pengambilan Jurubahasa-jurubahasa yang diberitahu oleh Jabatan berkenaan kepada Suruhanjaya ini, itu telah semuanya dapat dipenuhi. Apa yang tidak dapat dipastikan dari perkara yang dibangkitkan ialah samada pengisian jawatan-jawatan kosong yang ada (tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam—ataupun kekurangan jawatan (tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan).

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kangar berkenaan persoalan perlunya lebih ramai rakyat Negeri Perlis dilantik bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan Kerajaan, saya suka menegaskan bahawa Suruhanjaya dalam menjalankan pengambilan kakitangan baharu semua rakyat negeri manapun telah tidak dibezakan—semua orang serupa sahaja. Tidak boleh diberi keistimewaan kepada satu-satu negeri. Bagi mengisi kekosongan jawatan di Negeri Perlis sendiri Suruhanjaya ini cuba sedaya upaya yang boleh supaya rakyat Negeri Perlis dilantik mengisi kekosongan berkenaan bersyarat kepada calon-calon dari Negeri Perlis itu berkelayakan dan pula setanding atau tidak kurang meritnya dari calon-calon lain yang memohon sesuatu jawatan itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris di tempat-tempat yang tertentu supaya setengah-setengah Ahli Yang Berhormat benar-benar

faham apa yang saya kata—the aim is to ensure that every word I have to say reaches right to the mind, heart or spine of some of the Honourable Members direct—tidak melalui sesiapa atau terjemahan, moga-moga what I say would not create any doubt or ambiguity as to the seriousness of the feelings on this side of the House and the manifestation of the majority of the people of this country who overwhelmingly voted us in the last General Elections.

Tuan Pengerusi, saya sungguh merasa hampa mendengar apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan rakan-rakannya dalam Dewan ini, yang seolah-olah tidak mahu nampak dan tidak ingin tahu apa yang dilakukan oleh Kerajaan untuk meringankan kesulitan rakyat dalam keadaan inflasi dan meleset hari ini. Sudah berulang kali dinyatakan dalam ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri lain-lain tentang subsidi ke atas barang-barang makanan, tentang buku-buku teks sekolah, agricultural inputs, seperti baja, pengecualian cukai atas beberapa jenis barang-barang dan berbagai-bagai lagi. Apakah ini masih belum jelas dan nyata lagi kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Adalah lebih baik kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah sana cuba mengemukakan sesuatu yang concrete, yang membina kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keadaan masa ini menghendaki kerjasama semua pihak, termasuk parti-parti Pembangkang. Kalaulah mereka benar-benar jujur dan ikhlas, hendak melihat rakyat senang dan makmur, mereka hendaklah menolong dan bekerjasama dengan Kerajaan. Tidak ada faedahnya membangkitkan masalaah-masalaah yang kita semua tahu. We know the problems and the Government has taken measures and will continue all efforts towards alleviating the burden of the rakyat. In a day or two, the Honourable Prime Minister will make an important statement on this matter and I hope, with the co-operation of the people and the Honourable Member for Kota Melaka and his colleagues, it will go a long way to help the rakyat to face the difficult time ahead of us.

Tuan Pengerusi, now, I had better speak some politics in reply to some political points raised in this distinguished House.

The reference in this House on Monday to the Lembaga Perpaduan Negara by the Honourable Member for Kepong is interesting. He has drawn our attention, I quote, to “the growing polarisation in this country which does not fool anyone” and suggested that the Government takes seriously any proposals the Lembaga might have to reduce racial tensions in this country.

Mr Chairman, Sir, I find the Honourable Member for Kepong, after carefully following his performance in this House since the election, suffering from an ailment common among politicians who have lost much of their appeal among the people. While outwardly posing as a multi-racial politician, preaching harmony and goodwill among the races in the country, the Honourable Member for Kepong has in fact been assiduously sowing the seeds of mutual suspicion among the various races, among the Sino-Malays in particular. He distorts reality for political ends, he harps on PERNAS and MARA and other Bumiputra institutions as the ultimate in Bumiputraisism but remains silent on many Chinese institutions which are still bastions of Chineseism in this country.

Mr Chairman, Sir, the Government is fully aware of the danger of polarisation especially in the town centres and our cities. Nor are we unaware of the racial overtones of any downward trend in the economic situation in this country. The New Economic Policy was formulated precisely to bring about the unity of the races through economic development of the urban and rural sectors of the country. We are fully committed to national unity and we will do everything possible to bring this about.

The establishment of the Lembaga Perpaduan Negara is just one of the measures the Government has taken in its efforts to bring about national unity. It is part of an overall policy of this Government involving political, economic, cultural and social measures which the Government has consistently followed to create a single united nation of Malaysians. It is most unfortunate that we have had very little support from the Opposition in carrying out this very vital

policy. Opposition parties have instead contributed towards tension among the races by their highly irresponsible behaviour during the recent General Elections. Their house-to-house and coffee-shop to coffee-shop campaigns during the recent elections played on racial issues and communal prejudices of the voters. They are still as racist now as they were during the elections although not as openly and blatantly. The Honourable Member for Kepong is intellectually dishonest when he despairs of polarisation while at the same time harps on such institutions as PERNAS, MARA and Bank Bumiputra.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Oleh sebab nama saya disebutkan bolehkah Timbalan Menteri menunjukkan atau menjelaskan

Tuan Pengerusi: Interruption itu berkenaan dengan apa?

Dr Tan Chee Khoo: Untuk penjelasan!

Tuan Pengerusi: Penjelasan daripada siapa? Daripada Yang Berhormat sendirihkah?

Dr Tan Chee Khoo: Daripada Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan, kecuali jika sekiranya Yang Berhormat hendak menjelaskan ucapan Yang Berhormat yang boleh dianggap disalah-fahamkan itu boleh, itupun kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jalan.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Pengerusi, kalau sekiranya

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, sila jemput duduk! Peraturan Mesyuarat tidak benar.

Datuk Abdullah Ahmad: Sir, may I continue.

Tuan Pengerusi: Yes.

Datuk Abdullah Ahmad: If the Honourable Member for Kepong accepts the New Economic Policy in good faith, then logically he must accept the principle of greater Bumiputra participation in the commercial and industrial sector in the urban centres of our

country. If he accepts that poverty has racial overtones in our country then any measures to redress the economic imbalances of the races must be supported irrespective of whether one sits with the Opposition or whether one's political fortunes have suffered or not. The task of bringing about national unity is not the responsibility of the Government alone. It must be shared by everyone, because it involves our survival as a nation. There is the danger that some politicians might feel tempted to make their political comeback through a trail of broken bones.

Mr Chairman, Sir, it is high time the Opposition stopped preaching to us on the ways and means of solving racial problems. Not until we are convinced that they are truly sincere exponents of anti-racialism can we accept their protestations of dedication to the ideals of a single, united Malaysian nation. The time has come for us to demand deeds rather than words and the time has come too for those in the Opposition like the Honourable Member for Kepong to abandon their hypocritical postures as self-righteous champions of multi-racialism.

This exploitation of racialism, whether it is cloaked in high intellectual jargon or not will not be tolerated. The Honourable Member for Kepong talks of the dangers posed by inflation, recession and unemployment. The Government is well aware of its dangers, more so because of the possibility that in the crucial months ahead it might be exploited by certain elements to disrupt racial harmony in the country. Already the signs are there. Unscrupulous groups rejected by the people in the last elections are making determined attempts to stage a comeback by exploiting the present critical economic situation and sowing racist sentiments among the people. Those who seek to exploit racialism for political ends should be reminded that the results might be unpleasant for them. Racialism breeds a kind of philosophy which will certainly spell the doom of democracy in this country. The kind of democracy as we know it now which the Honourable Member for Kepong finds tolerably pleasant will give way to a system of government which will make short shrift of any opposition.

Mr Chairman, Sir, the National Front Government is seeking solutions to our racial problems in the context of Parliamentary

democracy; it has its weaknesses, I admit, but it does give a lot of room for give and take and it provides for checks and balances. There are no quick solutions to our problems simply because we cannot impose our solutions on the people. Nation building spans generations in the life of a people. We have achieved remarkable progress in the task of nation building since Merdeka and we are determined that no group should stand in the way of our progress.

Tuan Pengerusi, saya suka memberi tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor kerana benar-benar kenal kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong—the real and the myth of the Honourable Member for Kepong—atau dongeng dan hakikat sebenarnya peribadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya suka menyatakan bahawa penubuhan Lembaga Perpaduan Negara yang diletakkan terus di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri menunjukkan betapa pentingnya perpaduan negara dalam strategi pembangunan kita. Akan tetapi, untuk mengekalkan function Lembaga ini agar benar-benar dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan hati terbuka maka ahli-ahli Lembaga itu dipilih daripada golongan non-politicians atau mereka yang bukan aktif dalam politik. Mereka dipilih atas dasar kepakaran dan prestige mereka di mata masyarakat. Saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu agar beliau menjauhkan dari kata-kata yang berupa insinuation seolah-olah Kerajaan tidak serious atau tidak jujur dalam usahanya memupuk perpaduan yang tulin dan berkekalan di negara kita ini. Kerajaan jujur untuk mewujudkan perpaduan negara dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendaklah bersama-sama menolong mewujudkannya.

Mr Chairman, Sir, the racial problem in our country is not insoluble precisely because historically the people in this country have been living peacefully and in harmonious relations with each other for centuries. I have great confidence in the immense goodwill of the people towards each other. Only a minority have allowed themselves to be manipulated by the unscrupulous and over-ambitious politicians.

Mr Chairman, Sir, I appeal to all Malaysians of goodwill to work together to create a really multi-racial Malaysian nation, united in their resolve to defend the nation's integrity, independence and sovereignty. Let us subordinate our sectarian interests to the larger interests of our nation. Let us be more Malaysian and less Malay or less Chinese and less Indian or Tamil in our outlook and approach to the nation's problem of survival.

Malaysia has the resources and the wealth to provide its people with more than the basic necessities of life. The economic cake is sufficiently big to be shared equitably by everybody in this country. But the majority among the various ethnic groups in the country must always reject the calls to racialism made by the communalists in the Opposition, who seek influence and power by pitting one race against another, one ethnic group against another. Let us resolve to show to the racist politicians in the Opposition that the Malaysian Sun has no place for those who aspire to power on the sacred blood of the people.

Let us be pro-Malaysia because we owe it our undivided loyalty. For to be pro-Indian or pro-Chinese or pro-Malay is a political anachronism in the context of the nation's problems. Poverty transcends racial and geographical barriers. Thank you, Sir.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,059,100 untuk Kepala B. 1, \$150,000 untuk Kepala B. 2, \$5,379,300 untuk Kepala B. 3, \$2,543,900 untuk Kepala B. 4, \$1,649,200 untuk Kepala B. 5, \$122,900 untuk Kepala B. 6, \$628,500 untuk Kepala B. 7, \$30,251,240 untuk Kepala B. 8, \$83,068,800 untuk Kepala B. 9, \$8,149,010 untuk Kepala B. 10, \$537,850 untuk Kepala B. 11 dan \$1,079,000 untuk Kepala B. 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$131,594,378 untuk Kepala P. 8 dan \$1,940,810 untuk Kepala P. 10 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana dimaklumkan pada petang semalam oleh sebab Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan berangkat menunaikan fardhu haji tak berapa hari lagi, telah

dipersetujui selepas daripada kita bahaskan Jabatan Perdana Menteri, maka kita akan bahaskan Kementerian Pelajaran. Jadi sejumlah wang \$1,098,210,500 di bawah Kepala-kepala B. 23 dan B. 24 di bawah Kementerian Pelajaran dan juga sejumlah wang sebanyak \$189,202,294 di bawah Kepala-kepala P. 23 dan P. 24 di bawah Kementerian Pelajaran sekarang adalah terbuka untuk perbahasan. Dan saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat tolong jangan menyentuh perkara-perkara yang tak bersangkutan-paut di bawah perkara-perkara yang termaklum, sebab saya hendak peruntukan masa perbahasan bagi Kementerian ini ialah sehingga 6.30 petang ini sahaja dan petang esok Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 23 dan B. 24 (Jadual)—

Kepala P. 23 dan P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

3.45 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan bagi Kementerian Pelajaran sebanyak satu ribu dua ratus lapan puluh tujuh juta, empat ratus dua belas ribu tujuh ratus sembilan puluh empat ringgit (1,287,412,794) untuk tahun 1975 di bawah Kepala-kepala Anggaran yang berikut menjadi sebahagian daripada jadual:

(i) *Kepala Bekalan 23—Kementerian Pelajaran*

Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$944,210,500 iaitu \$32,188,413 untuk Gaji, \$39,577,199 untuk Pembelian Harta Modal, \$868,720,840 untuk Pemberian dan Bayaran Tetap dan \$3,000,000 untuk Lain-lain Perbelanjaan iaitu bayaran balik yuran sekolah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1974 sebanyak \$189,390,685 atau 25.09%.

(ii) *Kepala Pembangunan 23—Kementerian Pelajaran*

Anggaran Belanja Pembangunan sebanyak \$144,135,051 iaitu \$1.73 juta untuk aktiviti Pentadbiran Am, \$4.7 juta untuk aktiviti Latihan Guru, \$69.44 juta untuk aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah, \$67.85 juta untuk aktiviti Pelajaran Menengah Atas/Tinggi dan \$420,000 untuk aktiviti Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri.

(iii) *Kepala Bekalan 24—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah*

Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$154,000,000 iaitu \$73,686,975 untuk Gaji, \$24,772,416 untuk Perkhidmatan dan Bekalan, \$1,047,500 untuk Pembelian Harta Modal dan \$54,493,109 untuk Pemberian dan Bayaran Tetap. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1974 sebanyak \$35,303,548 atau 29.74%.

(iv) *Kepala Pembangunan 24—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah*

Anggaran Belanja Pembangunan sebanyak \$45,067,243 iaitu \$916,753 untuk aktiviti Latihan Guru dan \$44,150,490 untuk aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, seperti biasa, peruntukan bagi Kementerian Pelajaran adalah termasuk di dalam kumpulan peruntukan bagi Kebajikan Masyarakat. Bahawa persediaan dan perbelanjaan untuk pelajaran adalah usaha kebajikan Kerajaan bagi masyarakat adalah satu kenyataan. Yang mungkin menjadi tandatanya bagi masyarakat ialah golongan manakah yang akan mendapat hasil daripada usaha kebajikan ini. Yang tidak boleh disoal ialah kesanggupan Kerajaan memperuntukan 19% daripada semua peruntukan kepada pelajaran sebagai usaha kebajikan yang terutama.

Tuan Pengerusi, sebelum saya bantangan peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1975, izinkan saya nyatakan bahawa secara ringkasnya matlamat Kementerian Pelajaran seperti tercatat di dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah mengada dan memperbaiki rancangan-rancangan pelajaran di segenap peringkat, iaitu peringkat rendah, menengah dan tinggi bagi menjamin perpaduan kebangsaan, di samping membekalkan tenaga manusia untuk berbagai-bagai lapangan pekerjaan supaya rakyat dapat mengambil

bahagian dalam perkembangan serta kemajuan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara. Keutamaan istimewa adalah diberikan kepada pelajaran sains, teknik dan vokesyenal.

Tuan Pengerusi, daripada jumlah peruntukan Kementerian Pelajaran sebanyak \$1,287,412,794 bagi tahun peruntukan 1974 atau 19% daripada jumlah peruntukan negara sebanyak satu ribu, sembilan puluh lapan juta, dua ratus sepuluh ribu, lima ratus ringgit (1,098,210,500) atau 30.68% daripada jumlah Belanja Mengurus bagi seluruh negara adalah untuk Belanja Mengurus iaitu berlebihan sebanyak \$215.69 juta atau 19.8% daripada tahun 1974 dan sebanyak \$189,202,294 atau 7.8% daripada jumlah belanja pembangunan seluruh negara ialah untuk belanja Pembangunan iaitu berlebihan sebanyak \$49.48 juta atau 35% daripada peruntukan tahun 1974.

Sekarang izinkan saya membentangkan peruntukan yang diperlukan dalam tahun 1974 mengikut aktiviti-aktiviti perbelanjaan Kementerian Pelajaran.

PENTADBIRAN AM

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$23.28 juta atau 2.13% daripada jumlah peruntukan bagi Belanja Mengurus adalah diperlukan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di bawah aktiviti Pentadbiran Am iaitu untuk Gaji, Perkhidmatan dan Bekalan dan Pembelian Harta Modal bagi Kementerian Pelajaran dan 13 Jabatan Pelajaran Negeri. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1974 sebanyak \$532,000.

Bagi tahun 1975 sejumlah \$1.73 juta akan diperuntukkan bagi Belanja Pembangunan di bawah aktiviti Pentadbiran Am iaitu untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan membina bangunan tambahan bagi Pejabat Pelajaran Perak dan bangunan baru bagi Pejabat Pelajaran Melaka, membayar elaun-elaun pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya yang mengawasi projek-projek ini dan juga pembayaran kontrak bagi membina bangunan Pusat Perkembangan Kurikulum.

LATIHAN GURU

Tuan Pengerusi, aktiviti Latihan Guru memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$29.32 juta bagi Semenanjung

Malaysia, \$4.44 juta bagi Sabah dan \$2.55 juta bagi Sarawak iaitu melebihi peruntukan tahun 1974 sebanyak \$3.64 juta. Peruntukan bagi tahun 1975 akan digunakan untuk Gaji, Perkhidmatan dan Bekalan dan Pembelian Harta Modal bagi Bahagian Latihan Guru dan 22 buah pusat-pusat Latihan Guru di seluruh Malaysia. Peruntukan ini akan juga digunakan untuk membiayai kursus-kursus pra-perkhidmatan, kursus-kursus dalam perkhidmatan, kursus-kursus Bahasa Malaysia dan kursus-kursus khas bagi Semenanjung Malaysia dan kursus-kursus pra-perkhidmatan dan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi Sabah dan Sarawak.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita masih banyak kekurangan tenaga guru. Bukan sahaja bilangan guru yang ada sekarang ini tidak mencukupi, malah kita juga kekurangan guru-guru berpengalaman dan terlatih. Bagi Semenanjung Malaysia seramai 7,500 orang sedang menjalani kursus perguruan penuh-masa di 14 buah pusat perguruan dalam tahun 1974. Dalam tahun 1975 bilangan guru pelatih penuh-masa ini akan ditambah kepada 8,063. Bagi Sabah bilangan guru pelatih yang sedang menjalani kursus penuh-masa dalam tahun 1974 ialah sebanyak 1,163 orang dan bilangan guru pelatih ini akan ditambah kepada 1,250 orang dalam tahun 1975. Bagi Sarawak pula, bilangan guru pelatih penuh-masa dalam tahun 1974 ialah sebanyak 721 orang dan bilangan ini akan ditambah menjadi 1,060 orang dalam tahun 1975.

Kementerian Pelajaran akan meneruskan rancangan-rancangan untuk melatih guru-guru yang telah terlatih supaya menjadi lebih cekap dan mempunyai teknik pengajaran yang sesuai untuk menjamin perkembangan pelajaran dan daya penerimaan murid-murid agar pengajaran yang disampaikan oleh guru-guru ini akan menjadi lebih berkesan. Bagi Semenanjung Malaysia, seramai 35,112 orang guru diberi latihan dalam perkhidmatan ini dalam tahun 1974 dan bilangan mereka yang akan menerima latihan dalam perkhidmatan ini akan bertambah kepada 59,127 orang dalam tahun 1975. Bagi Sabah ialah seramai 2,163 orang diberi latihan ini dalam tahun 1974 dan dianggarkan seramai 3,060 orang akan diberi latihan dalam tahun 1975. Bagi Sarawak kursus-kursus dalam perkhidmatan akan diadakan bagi Bahasa Malaysia, Sains dan Ilmu Hisab.

Di samping mengadakan berbagai-bagai kursus di pusat-pusat perguruan, Kementerian Pelajaran juga akan menghantar seramai 160 orang guru pelatih untuk menjalani kursus-kursus khas bagi matapelajaran-matapelajaran sains dan Ilmu Hisab di Universiti Pertanian Malaysia dan Institut Teknologi Kebangsaan. Ini adalah satu langkah positif untuk mengatasi kekurangan guru-guru dalam matapelajaran-matapelajaran itu.

Peruntukan tahun 1975 bagi kerja pembangunan di bawah aktiviti Latihan Guru berjumlah \$4.72 juta iaitu untuk pembinaan empat maktab perguruan baru di Pahang, Kedah, Trengganu dan Perak yang dibiayai di bawah pinjaman ketiga Bank Dunia dan bagi pembinaan bangunan-bangunan tambahan bagi maktab-maktab perguruan yang ada di Semenanjung Malaysia. Bagi Negeri Sarawak peruntukan sejumlah \$487,000 akan dibelanjakan untuk projek-projek tambahan kepada Maktab Perguruan Batu Lintang, Maktab Perguruan Rejang dan Maktab Perguruan Sarawak. Bagi Negeri Sabah pula sejumlah \$430,000 diperuntukkan bagi pembinaan Maktab Perguruan baru di Sandakan, dan bangunan tambahan kepada Maktab Kent di Tuaran.

PELAJARAN RENDAH DAN MENENGAH

Tuan Pengerusi, aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah ini adalah satu aktiviti yang memakan belanja yang terbesar di antara aktiviti-aktiviti Kementerian Pelajaran. Peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan bagi seluruh Malaysia di bawah aktiviti ini berjumlah \$999.99 juta.

Bagi Semenanjung Malaysia peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$748 juta bagi aktiviti ini. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1974 sebanyak \$176.25 juta. Sungguhpun tambahan ini agak besar, Kementerian Pelajaran menjangka tambahan ini masih tidak mencukupi bagi menampung aktiviti ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejumlah \$638 juta atau 64% daripada peruntukan aktiviti ini atau 50% daripada jumlah Peruntukan Kementerian Pelajaran akan dibelanjakan untuk gaji guru-guru dan kakitangan-kakitangan sekolah dan asrama. \$32 juta lagi ialah untuk gaji pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di Kementerian Pelajaran iaitu di Bahagian-

bagian yang terlibat mentadbirkan perbelanjaan peruntukan sebanyak \$999.9 juta di bawah aktiviti ini. Bakinya sebanyak \$78 juta ialah untuk perbelanjaan lain. Perbelanjaan-perbelanjaan lain yang dimaksudkan itu ialah pemberian kepada sekolah-sekolah dan asrama-asrama, pengajaran Ugama Islam, pendidikan kanak-kanak cacat, rancangan buku-buku teks, pemberian kepada Lembaga Pusat dan Kolej Tunku Abdul Rahman dan ganjaran guru-guru A.M.E.C. Adalah dijangkakan bahawa peruntukan sebanyak \$78 juta ini adalah tidak mencukupi.

Peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1974 bagi rancangan buku-buku teks 1974 ialah sebanyak \$43 juta. Dalam tahun 1975 sebanyak \$19 juta diperlukan sebagai tambahan kepada peruntukan yang diluluskan dalam tahun 1974 ini, menjadikan jumlah bagi peruntukan ini sebanyak \$62 juta.

Bagi Sabah dan Sarawak peruntukan sejumlah \$138.4 juta adalah dikehendaki di bawah aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah iaitu untuk gaji, perkhidmatan dan bekalan dan pembelian harta modal bagi Jabatan Pelajaran di kedua-dua negeri itu dan sekolah-sekolah rendah dan menengah Kerajaan dan juga untuk pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah bantuan Kerajaan.

Kementerian Pelajaran memerlukan sejumlah \$69.44 juta bagi Belanja Pembangunan di Semenanjung Malaysia di bawah aktiviti pelajaran rendah dan menengah pada tahun 1975.

PENGURUS PEPERIKSAAN

Tuan Pengerusi, sejumlah \$7.58 juta diperlukan bagi tahun 1975 di bawah Pengurusan Peperiksaan bagi Semenanjung Malaysia iaitu untuk Gaji, Perkhidmatan dan Bekalan dan Pembelian Harta Modal bagi Lembaga Peperiksaan Kementerian ini.

Bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak sejumlah \$440,000 diperlukan di bawah aktiviti ini untuk Gaji, Perkhidmatan dan Bekalan dan Pembelian Harta Modal bagi Bahagian Peperiksaan di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri itu.

PELAJARAN MENENGAH ATAS/TINGGI

Tuan Pengerusi, sejumlah \$102.84 juta atau 8% daripada jumlah anggaran Kementerian Pelajaran adalah diperlukan bagi aktiviti Pelajaran Menengah Atas/Tinggi bagi tahun 1975. Peruntukan ini ialah untuk membiayai yayasan-yayasan pelajaran tinggi iaitu Universiti Malaya, Universiti Hospital, Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian, Institiut Teknologi Kebangsaan, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik baru di Kuantan.

Universiti Malaya diperuntukkan sebanyak \$28 juta bagi Belanja Mengurus 1975 iaitu \$1 juta kurang daripada peruntukan tahun 1974. Pada tahun akademik 1975/1976 adalah dijangka bahawa Universiti Malaya akan mempunyai seramai 8,716 orang penuntut. Dari jumlah itu, seramai 2,660 orang akan memasuki Fakulti Sastera, 136 orang di Fakulti Pertanian, 1,640 orang di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, 600 orang di Fakulti Pendidikan, 850 orang di Fakulti Kejuruteraan, 690 orang di Fakulti Perubatan, 120 orang di Fakulti Pergigian, 1,820 orang di Fakulti Sains dan 200 orang di Fakulti Undang-undang.

Universiti Hospital diperuntukkan sebanyak \$16.9 juta untuk belanja mengurusnya iaitu bagi menyediakan kemudahan latihan perubatan di samping memberi rawatan kepada pesakit-pesakit.

Universiti Kebangsaan diperuntukkan sebanyak \$18.9 juta untuk Belanja Mengurusnya iaitu kurang daripada peruntukan tahun 1974 sebanyak \$3.1 juta. Walau bagaimanapun, Universiti Kebangsaan akan menambahkan bilangan mahasiswanya pada tahun akademik 1975/1976 menjadi 3,100 orang iaitu 1,450 orang di Fakulti Sastera, 500 orang di Fakulti Sains, 600 orang di Fakulti Islam, 300 orang di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, 150 orang di Fakulti Perubatan dan 100 orang di Institiut Bahasa, Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu.

Bagi Universiti Sains pula jumlah yang diperuntukkan untuk Belanja Mengurusnya ialah sebanyak \$15,421,000 iaitu kelebihan sebanyak \$421,000 dari peruntukan tahun 1974. Jumlah mahasiswa yang akan diambil di Universiti Sains pada tahun akademik 1975/1976 ialah seramai 3,223 iaitu 1,584 orang mengambil kursus dalam bidang sains dan 1,639 dalam bidang bukan sains.

Bagi Universiti Pertanian sejumlah \$11 juta diperuntukkan bagi Belanja Mengurus tahun 1975 iaitu \$600,000 kurang daripada peruntukan tahun 1974. Universiti ini akan meneruskan kursus pengajian bagi mendapatkan diploma dan ijazah. Pada tahun akademik 1975/1976 dijangka seramai 2,037 orang akan menjalani kursus peringkat diploma dan 920 orang bagi peringkat ijazah.

Institiut Teknologi Kebangsaan pula diperuntukkan sejumlah \$9.6 juta bagi Belanja Mengurus iaitu bagi Pentadbiran Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Alam Bena, Fakulti Ukur, Pusat Pengajian Sains dan Pusat Pengajian Kemanusiaan. Institiut ini akan terus menambahkan bilangan mahasiswanya daripada 1,603 orang dalam tahun 1974 kepada 2,383 orang pada tahun 1975. Dari jumlah 2,383 ini, 1,837 dijangka akan mengambil kursus peringkat diploma dan selebihnya peringkat ijazah.

Bagi Belanja Pembangunan, Universiti Malaya memerlukan sebanyak \$2.14 juta pada tahun 1975 bagi meneruskan projek-projek yang belum selesai seperti kompleks sukan, dewan kuliah ketiga bagi Fakulti Kejuruteraan, sambungan jalan universiti, kompleks Pusat Pengajian Siswazah, Fakulti Undang-undang, perpustakaan tambahan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Balai Seni Lukis, bangunan pentadbiran, pusat universiti baru dan rumah penyelia. Universiti Kebangsaan memerlukan sejumlah \$6.48 juta pada tahun 1975 bagi meneruskan projeknya di Bangi dan projek Fakulti Perubatan. Universiti Sains memerlukan sejumlah \$6.58 juta pada tahun 1975 bagi projek-projek di bawah Geran Persekutuan untuk pembinaan Desasiswa IV, Pusat Pengajian Sains Gunaan, membina jalan dan tempat kereta dan lain-lain projek yang dibiayai daripada wang pinjaman Bank Dunia seperti membeli alat-alat dan buku-buku perpustakaan dan pembinaan bangunan Balai Sains Gunaan. Universiti Pertanian memerlukan peruntukan sebanyak \$13.36 juta bagi tahun 1975 iaitu bagi meneruskan projeknya yang telah dimulakan dalam tahun 1974 dan tahun sebelumnya. Projek-projek itu ialah bangunan Fakulti Perhutanan, bangunan Fakulti Kejuruteraan, "Infrastructure" Talikom dan Fakulti Kedokteran Veterinar. Projek-projek yang tersebut di atas adalah untuk menampung keperluan-keperluan mahasiswa yang kian bertambah pada tahun 1975. Peruntukan yang diperuntukkan bagi Institiut Teknologi

Kebangsaan pada tahun 1975 ialah sebanyak \$5.28 juta bagi meneruskan projek-projek yang belum selesai dan projek-projek yang akan dijalankan seperti pembinaan asrama putera dan puteri, bilik pelawat, membesarkan surau, membesarkan dewan himpunan dan pentadbiran, pembinaan Fakulti Kejuruteraan dan kerja-kerja awal tapak baru di Johor Baharu.

Pada tahun 1975 Kementerian Pelajaran memerlukan sejumlah \$1.23 juta bagi membina sebuah Politeknik baharu di Kuantan dan juga bagi membina bengkel kejuruteraan laut serta membeli alat-alat kelengkapan bagi Politeknik Ungku Omar di Ipoh.

Tuan Pengerusi, mulai daripada tahun 1975, Instituti Teknologi MARA akan diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Bagi Belanja Mengurus Tahun 1975, Instituti ini diperuntukkan sebanyak \$30,400,000 iaitu kelebihan sebanyak \$9,646,500 daripada peruntukan tahun 1974. Kelebihan ini ialah diperlukan untuk menampung tambahan bilangan pelajar daripada 6,460 pada tahun 1974 kepada 9,000 orang pada tahun 1975, termasuk di kampus cawangan Sabah, Sarawak dan Perlis.

Bagi perbelanjaan pembangunan pula, Instituti ini diperuntukkan \$2.37 juta untuk menambah kelengkapan-kelengkapan dan asrama-asrama.

Peranan yang dimainkan oleh Instituti Teknologi MARA adalah satu peranan yang penting. Seperti yang pernah dinyatakan oleh Pengarah, Instituti Teknologi MARA, negara ini memerlukan lebih banyak technician untuk mengimbangkan ratio (nisbah) antara mereka dengan siswazah-siswazah universiti. Oleh itu, Kementerian Pelajaran akan mengkaji perkembangan Instituti Teknologi MARA supaya tujuan penubuhannya tidak terjejas sungguhpun ianya sekarang diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran.

KEBAJIKAN PENUNTUT-PENUNTUT DI LUAR NEGERI

Tuan Pengerusi, di bawah aktiviti kebajikan penuntut-penuntut di luar negeri, peruntukan sejumlah \$3.28 juta adalah dipohon untuk membiayai pelajaran semua Jabatan Penuntut Malaysia, asrama-asrama dan pusat-pusat penuntut di luar negeri. Kelebihan peruntukan bagi tahun 1975

berbanding dengan peruntukan tahun 1974 ialah lebih kurang \$180,000. Tambahan ini ialah untuk membayar kenaikan gaji dan elaun-elaun kakitangan jabatan-jabatan dan pusat-pusat tersebut.

Bagi belanja pembangunan sejumlah \$420,000 telah diperuntukkan bagi pembinaan asrama Puteri di Kaherah.

BIASISWA/DERMASISWA/HADIAH BANTUAN LATIHAN

Tuan Pengerusi, sejumlah \$31 juta adalah dipohon bagi tahun 1975 bagi aktiviti Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latihan. Daripada jumlah ini, \$14 juta ialah untuk Biasiswa Kecil Persekutuan. \$4.6 juta untuk Biasiswa Kelas Persediaan Universiti, \$10.06 juta untuk Biasiswa Guru-guru dan Pentadbir Pelajaran Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, \$682,000 untuk biasiswa bagi 350 pelajar-pelajar Politeknik Ungku Omar dan yang baki lagi itu adalah untuk elaun bagi kursus-kursus persediaan yang diadakan di Instituti Teknologi Kebangsaan, Hadiah Bantuan Latihan untuk Guru-guru dan pentadbir-pentadbir Pelajaran Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Bantuan Belajar kepada guru-guru Kerajaan, Biasiswa untuk pelajar-pelajar pra sains di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Universiti Sains, Biasiswa Komenwel dan lain-lain. Peruntukan tahun 1975 melebihi peruntukan tahun 1974 sebanyak \$6 juta bagi menampung bilangan calon yang bertambah untuk dikurniakan Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latihan di samping membayar kepada pemegang-pemegang sekarang.

PERKHIDMATAN AWAM DAN PELAJARAN DAERAH

Sejumlah \$7.07 juta bagi Belanja Mengurus adalah dipohon bagi aktiviti Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah bagi tahun 1975. Peruntukan ini ialah untuk rancangan-rancangan seperti bayaran sekolah di Singapura bagi anak-anak pegawai Kerajaan Malaysia di sana, bantuan kepada sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat, Pelajaran Lanjutan, bantuan kepada penuntut-penuntut di sekolah Membina Semangat, bantuan kepada penerbitan braille, pemberian kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, pemberian kepada Persatuan Asia Di Raja Cawangan Malaysia, bantuan kepada Persatuan-persatuan Penuntut dan

lain-lain. Dari peruntukan ini juga Kerajaan Malaysia memberi sumbangan kepada Pusat Wilayah SEAMEO (Southeast Asian Ministers of Education Organisation) bagi pelajaran Sains dan Ilmu Hisab di Pulau Pinang, Lembaga Penyelaras Pusat SEAMEO bagi Peruntukan Tropika dan Kesihatan Awam (CCB/TROPMED) di Bangkok, Instituti Wilayah bagi Pelajaran Tinggi dan Pembangunan (RIHED) di Singapura, Pertubuhan Pelajaran Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) di Paris dan Colombo Plan Staff Training College di Singapura.

Tuan Pengerusi, untuk mengakhiri ucapan saya, saya ingin menegaskan sekali lagi beberapa butir yang penting dalam anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pelajaran.

Yang pertamanya, peruntukkan pengurusan untuk Kementerian Pelajaran merupakan peruntukkan yang terbesar sekali jika dibanding dengan peruntukkan pengurusan bagi Kementerian-kementerian lain iaitu sebanyak \$1,098,210,500 atau 30.68% daripada jumlah besar peruntukkan perbelanjaan mengurus seluruh Malaysia.

Tetapi ini masih tidak memenuhi semua keperluan Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran telah memohon lebih kurang \$400 juta lagi lebih daripada peruntukkan yang telah dibenarkan akan tetapi oleh kerana Kerajaan tidak dapat mengadakan wang yang begini banyak maka permohonan ini tidak dapat diberi.

Perkara yang kedua ialah dari jumlah \$1,098,210,500 ini sebanyak \$638 juta atau 57.5% adalah untuk gaji guru-guru. Kementerian Pelajaran sedang berunding berkenaan dengan tanggagaji hampir semua kategori guru-guru. Tuntutan yang dibuat oleh guru-guru akan menambah perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$103 juta lagi iaitu jika semuanya dilulus. Tetapi pihak Kementerian percaya bahawa di waktu Kerajaan terdesak dengan keadaan stagflasi dan kemungkinan orang-orang yang bergantung kepada punca pendapatan yang lain daripada gaji umpamanya pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan dan petani berkehendak kepada bantuan Kerajaan, guru-guru akan sanggup menerima tawaran yang berasas kepada prinsip-prinsip perkhidmatan dan bukan ancaman tindakan industrial. Saya yakin bahawa guru-guru sebagai golongan yang dihormati oleh rakyat dan dianggap

sebagai pemimpin masyarakat akan bekerjasama dengan Kementerian supaya dengan mengurangkan tuntutan mereka, wang yang dikutip oleh Kerajaan untuk rakyat dapat disalurkan kepada rakyat yang menderita kerana stagflasi.

Perkara yang ketiga ialah peruntukkan untuk Pelajaran Tinggi iaitu sebanyak \$102.8 juta tidak termasuk \$30 juta untuk ITM iaitu lebih kurang 20 kali ganda lebih daripada peruntukkan bagi pentadbiran Parlimen ini umpamanya. Wang yang banyak ini merupakan tanaman modal oleh rakyat untuk hasil masa depan mereka. Wang yang banyak ini boleh digunakan untuk kerja-kerja kebajikan di kalangan rakyat yang miskin, tetapi mereka yang miskin ini sanggup menderita supaya anak-anak muda kita dapat pelajaran dan akhirnya hidup bahagia dan mewah.

Penanaman modal rakyat yang banyak ini cuma boleh dipertahankan jika ianya berhasil—iaitu jika tiap-tiap penuntut lulus dan berjaya dalam pelajarannya. Sebagai gambaran, tiap-tiap kali seorang siswa gagal, wang rakyat sebanyak lebih kurang di antara \$3,000 hingga \$29,000 mengikut jenis kursus bagi seorang siswa tiap-tiap tahun terbuang tanpa hasil. Jika siswa tersebut gagal setelah berusaha penuh, rakyat akan rela dan puas hati. Tetapi apabila siswa tersebut tidak berusaha atau mendesak supaya mereka dikecualikan daripada mengambil peperiksaan kerana urusan yang tidak ada kena-mengena dengan pelajaran mereka, rakyat patut tahu dan rakyat patut tegaskan samada mereka sanggup menyumbang wang mereka itu untuk sesuka hati penuntut.

Saya sebut perkara ini oleh kerana Kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada Kementerian Pelajaran tentang membuat peruntukan daripada wang rakyat kepada pelajaran anak-anak muda kita. Saya sebut perkara ini juga oleh kerana ada penuntut yang dengan terang berkata bahawa mereka pergi ke Universiti bukan untuk mendapat ijazah. Mereka cuma ingin menambah pengalaman mereka. Apakah rakyat rela memberi \$3,000 hingga \$29,000 setahun supaya seorang penuntut yang seperti ini menghabiskan masa berpidato, merancang dan memimpin tunjuk perasaan, mengapi-apikan murid-murid sekolah supaya mogok dan membuat seribu kerja lain yang tidak ada kena-mengena dengan pelajaran? Jika rakyat rela,

maka Kerajaan akan meneruskan peruntukan—tetapi jika rakyat berkehendak supaya kita kurangkan belanja untuk penuntut yang seperti ini, maka Kerajaan akan bertindak. Di dalam demokrasi akhirnya rakyat yang menentukan nasibnya sendiri—Kerajaan cuma merupakan alat bagi rakyat.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyebutkan tentang peruntukan sebanyak \$189,202,294 untuk pembangunan. Rancangan pembangunan Kementerian Pelajaran adalah sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kedua yang dibuat sebelum stagflasi untuk membina bangunan-bangunan sekolah dan Universiti-universiti peruntukan ini sudah tentu tidak akan mencukupi.

Oleh sebab itu baru-baru ini saya telah berunding dengan akitek dan jurutera daripada Jabatan Kerja Raya untuk merancang reka bentuk baru sekolah-sekolah yang mungkin akan menggunakan lebih banyak kayu daripada yang terdapat sekarang.

Sudah tentu sekolah-sekolah baru ini tidak akan menjadi indah dan kukuh seperti yang ada sekarang. Tetapi sebagai tempat belajar kegunaan bangunan baru ini tidak akan menjadi masalah.

Apa yang perlu kita soal kepada diri kita ialah samada kita hendak pelajaran bagi anak kita atau kita mahu bangunan sekolah yang indah? Saya kemukakan soalan ini ialah oleh kerana di beberapa tempat yang saya pergi ada ibubapa dan guru yang hendak rumah batu, kipas angin, lampu letrik siang-siang hari (kerana, katanya, bila hujan terlalu gelap), padang permainan yang luas, pagar cantik dan lain-lain lagi dengan alasan jika tidak ada kemudahan-kemudahan ini pelajaran akan merosot dan guru-guru akan merasa frustrated.

Tuan Pengerusi, saya mengaji dahulu di sekolah Melayu Seberang Perak. Standard Not duduk atas lantai. Sapu sampah sekolah sendiri dan tutup tingkap anyaman buluh. bangunan kayu itu juga tiap-tiap petang dibuat sendiri. Akhirnya dapat juga ijazah di universiti.

Kepada saya yang mustahak bukan bangunan tetapi sikap. Kalau murid-murid hendak pelajaran, di atas lantai pun dapat menerima pelajaran. Jika ibubapa mahu anak mereka mendapat pelajaran mereka boleh

melatih anak-anak supaya sanggup menerima cabaran dan tidak akan membantu anak dengan memberi alasan sekolah tak indah, kenapa anaknya gagal. Dan guru pula tidak akan bertalu-talu menyebutkan bangunan tidak baik sebagai alasan kenapa murid mereka gagal.

Perubahan nilai ini perlu, Tuan Pengerusi, kerana peruntukan tidak cukup. Kalau kita mahu rumah indah, maka separuh sahaja daripada bangunan dalam Rancangan Malaysia Kedua akan dibina. Tetapi kalau kita mahukan pelajaran, maka bangunan yang lebih banyak daripada jumlah bangunan-bangunan yang dijadualkan dibina di dalam Rancangan Malaysia Kedua akan dapat didirikan.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Rumah yang bahagia ini adalah dipilih oleh rakyat untuk menyuarakan hasrat mereka. Saya sedia menunggu teguran dan pendapat mereka, terutama sekali dalam bidang-bidang yang saya telah tegaskan.

Tuan Pengerusi, dengan ini, saya mohon mencadangkan.

4.28 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, barangkali memanglah patut sebelum Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengemukakan hujah-hujahnya, telah diberitahu oleh Tuan Pengerusi bahawa hanya diberi satu hari untuk kita membahaskan kerana apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu sudah penuh dengan segala perkara-perkara yang mustahak dan yang wajib disampaikan ke dalam Dewan yang mulia ini.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan peruntukan yang dikemukakan, iaitu pada keseluruhannya bertambah; di dalam Belanja Menguruskan sahaja \$224.6 juta dan pada pembangunan pula \$22.8 juta. Pada pendapat saya adalah sangat patut kerana untuk menambahkan lagi mutu pelajaran murid-murid di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya menganggap bahawa murid-murid yang kita hendak keluarkan, samada daripada Sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan Universiti, ialah ibarat factory. Kalau kita hendak mengeluarkan barang daripada factory, alat-alatnya,

jentera-jenteranya hendaklah daripada alat-alat jentera-jentera yang baik. Kalau kita beli alat-alat dan jentera-jentera yang tidak baik mutunya, maka "end products" daripada barang-barang yang kita keluarkan tentulah mutunya tidak baik.

Di sini saya suka menggambarkan perasaan hati saya; bukan sahaja sebagai seorang Wakil Rakyat, tetapi sebagai seorang bapa. Hati saya berasa hampa sebagai seorang bapa, dan sebagai seorang rakyat negara ini saya berasa keciwa (feeling of disappointment) berkenaan dengan perkara-perkara yang terjadi beberapa masa dahulu. Ini bukanlah barangkali boleh disalahkan mana-mana satu pihak, tetapi adalah juga terletak-nya pada kelemahan-kelemahan kita.

Saya masih ingat, Tuan Pengerusi, masa saya kecil-kecil dahulu; iaitu apabila saya meminta sesuatu perkara saya membuat, misalnya, merajuk, menangis, maka kalau adalah ibu dan ayah saya menumpukan pandangannya kepada saya, memujuk saya dan sebagainya, mengambil berat, maka lebih-lebih lagi saya membuat berbagai ragam.

Tuan Pengerusi: Saya harap Yang Berhormat tidak merajuk lagi sekarang.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Dan begitu jugalah murid-murid ini. Pada suatu masa dahulu saya ingat murid-murid universiti ini telah membuat bantahan terhadap pihak yang berkuasa, kerana menentang Vice-Chancellornya iaitu Yang Berhormat Dr Ariffin Marzuki, kerana beliau hendak meletakkan jawatan dan diganti dengan orang yang lain, dan kerana bantahan ini, barangkali juga kerana kita berasa bertimbang rasa, (tetapi dianggap oleh murid-murid sebagai kelemahan kita) maka mereka sudah naik daun. Sesudah itu ada lagi pula peristiwa "Bangi" dengan disebarnya surat-surat edaran, disebarnya tuduhan-tuduhan di hadapan mata anggota polis, pegawai-pegawai polis tanpa seorang pun berani mengambil apa-apa tindakan, maka lagi naik daunnya, lemaknya pun berlebih-lebih.

Sekarang pula satu angkara yang lain, kononnya, dia menjadi jaguh rakyat, kononnya dia menuduh Kerajaan mendiamkan beberapa orang telah mati kebuluran. Saya tidak hendak berpanjang-panjang menumpukan pandangan kepada apa yang sudah

disebutkan, sudah terang apa yang telah dikatakan oleh Editorial of the *New Straits Times* hari ini, tidak siapa yang boleh kita benarkan "to take the law into their own hands." Sekarang ini sudah ada tuduhan mengatakan pula, barangkali pihak Kerajaan akan memandang perkara perbuatan penuntut-penuntut (students) universiti satu perkara yang "lenient" sahaja, kerana kebanyakan daripadanya orang-orang bumi-putra, orang Melayu.

Saya mengatakan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa kita jangan pandang siapa dia, baik pun ada di antaranya anak Tan Sri, anak Datuk, anak Raja, anak Tengku—salah itu salah. Perbuatannya itu kita buat satu tauladan, kita jangan lemah menghadapi perbuatan-perbuatannya, kerana akibatnya esok penuntut-penuntut inilah yang kita anggap sebagai menjadi pemimpin negara kita. Kalau misalnya pada masa kita menjalankan factory itu hendaklah mendapat end product yang baik, kalau ada di dalam assembly lines itu barang-barang keluaran yang tidak baik, pada masa inilah untuk kita buang. Kalau tidak maka tidak laku barang itu masa dijual.

Pendek kata, Tuan Pengerusi, pada masa murid-murid ini di bangun sekolah rendah budak-budak ini mempunyai tatatertib yang begitu elok. Kalau pergi ke sekolah pakai uniform, buku diperiksa, gigi pun diperiksa oleh guru sekolah. Apabila masuk ke sekolah secondary pun begitu juga, beruniform, baik, tatatertib, bersih; tetapi apabila pergi ke universiti, entah di mana salahnya kita tengok rambutnya pun panjang, ada yang kadang-kadang berjanggut pula dan pakaiannya groovy, bertampal sana bertampal sini, tidak ada beruniform lagi. Inilah bakal yang akan menjadi pemimpin kita, yang menggantikan kita, yang akan duduk di Dewan yang mulia ini kelak pada satu masa. Bukanlah pula saya di sini menuduh secara umum, ada di antara penuntut-penuntut di universiti itu penuh bertanggungjawab, dengan sebab itu kita mesti ketepikan penyakit cancer ini sebelum cancer itu merebak dan menjangkit kepada penuntut-penuntut yang bertanggungjawab itu.

Satu lagi perkara yang saya suka menyentuh untuk perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran ialah sekolah-sekolah private. Ada beberapa sekolah private di negara kita ini di Kuala Lumpur dan di

tempat-tempat yang lain yang tidak ada kawalan sama sekali. Apa yang dibuat oleh mereka, apa aktiviti-aktiviti mereka tidak dikawal dengan rapi oleh Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran. Sekolah-sekolah private ini tidak ada kursus civic dan dengan ini maka pelajaran untuk menghormati negara dan untuk mementingkan negara daripada kepentingan diri sendiri tidak ada ditanam di dalam semangat dan sanubari students di sekolah private ini. Saya berharap hendaklah Kementerian Pelajaran mengambil berat supaya ada kawalan-kawalan yang lebih ketat di atas aktiviti-aktiviti sekolah-sekolah private.

Saya juga suka membawa perhatian Kementerian Pelajaran kepada muka surat 249, ada peruntukan untuk membuat asrama.

Tuan Pengerusi: Muka surat 249 dari buku mana?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Di dalam buku Anggaran Belanjawan 1975—Kementerian Pelajaran, muka surat 249 ada lebih kurang \$1 juta ada diuntukkan untuk membuat asrama. Apa yang saya berharap, Tuan Pengerusi, supaya asrama kalau dibuat janganlah hanya di pekan-pekan besar sahaja. Saya suka membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu pekan yang kecil di kawasan saya iaitu namanya Batang Berjuntai. Di sana ada dua buah sekolah menengah (secondary schools) dan murid-murid sekolah di situ ada lebih kurang 2,000 orang dan kebanyakannya duduk di estet-estet, ladang-ladang getah, ladang-ladang kelapa sawit, di kampung-kampung yang letaknya lebih kurang di antara 20-25 batu daripada Batang Berjuntai. Oleh sebab kekurangan bas terpaksa murid-murid ini bangun pukul 4.30 pagi menunggu bas datang ke sekolah dan tidak dapat mengambil aktiviti pada masa petang, kerana kenaikan bas tidak ada pada masa petang. 80% daripada murid-murid yang bersekolah di Batang Berjuntai daripada kedua-dua sekolah yang saya katakan tadi ialah daripada budak-budak yang duduk di antara 20-25 batu, Tuan Pengerusi. Rayuan telahpun dibuat untuk meminta sebuah asrama, dan saya harap keutamaan hendaklah dibuat, keutamaan hendaklah diberi kepada asrama di Batang Berjuntai ini untuk membolehkan anak-anak daripada petani-petani, daripada buruh-buruh ladang dapat peluang belajar

sebagaimana rakan-rakan dan sudaranya di bandar. Saya juga suka dan bukanlah hendak mengajar itek berenang, tetapi untuk difikirkan oleh Kementerian Pelajaran supaya pada masa akan datang apabila Kerajaan hendak membuat universiti dan hendak membuat sekolah-sekolah tinggi janganlah ditumpukan kepada satu dua buah pekan sahaja. Misalnya, di Kuala Lumpur sahaja ada lebih kurang lima ataupun enam buah universiti seperti Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya, I.T.M., Institiut Pertanian dan Institiut Teknologi Kebangsaan selain daripada Language Institute. Jadi sekelompok dalam kawasan lebih kurang 30-40 batu sahaja hingga 6-7 buah universiti dan dengan adanya universiti ini maka penyakit-penyakit cancer yang saya katakan itu senang berjangkitan. Cuba satu diletakkan di Telok Gongjeng, satu diletakkan di Sabah, satu diletakkan di Perlis dan satu lagi di Kuala Nerang misalnya, maka dengan cara-cara ini dapat diasing-asingkan. Bukan pula kita hendak mengikut dasar Inggeris divide and rule, tetapi saya percaya dapat barangkali kita mencegah penyakit-penyakit cancer ini daripada merebak.

4.41 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam anggaran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, perkara pertama yang saya hendak sentuh di sini ialah peruntukan sebanyak \$102,000 untuk pelajaran tinggi dan jika kita tambah peruntukan sebanyak \$30,000,000 lagi untuk I.T.M., maka peruntukan untuk pelajaran tinggi tahun akan datang ialah sebanyak \$132,000,000 lebih.

Pada tahun 1959, Kerajaan telah mewujudkan Kuala Lumpur Division of University of Malaya dan pada masa itu kita cuma ada satu universiti, tetapi pada masa sekarang kita ada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia, I.T.K., Universiti Pertanian dan lain-lain institiut pelajaran tinggi, umpamanya, I.T.K. dan Institiut Ungku Omar. Oleh sebab kita mempunyai beberapa institiut pelajaran tinggi, maka timbullah masalah-masalah yang pada pendapat saya tidak diselesaikan

pada masa sekarang. Umpamanya, ada perbezaan keadaan pekerjaan atau dalam Bahasa Inggerisnya working conditions atau conditions of service antara satu universiti dengan satu universiti lain. Misalnya, ada universiti memberi Elaun Perumahan sebanyak \$160 sahaja kepada pegawai akademik, tetapi universiti lain yang ada di tanahair kita memberi sebanyak \$310. Selain daripada itu, apabila pegawai akademik kita pergi ke seberang laut, elaunnya pun berbeza dan ada beberapa perkara lain yang ada perbezaan di antara satu universiti dengan satu universiti. Saya berpendapat dalam satu tahun beberapa kali Naib Canselor antara semua universiti di tanahair kita berkumpul di Kuala Lumpur dan bermesyuarat, antara lainnya, menyelesaikan perbezaan ini. Tetapi pada pendapat saya itu tidak begitu sesuai oleh sebab Naib Canselor itu kebanyakannya mempunyai Ph.D. dan semuanya mahir dan cerdek dan katanya: ini untuk saya sahaja dan anda tidak boleh dapat. Untuk menyelesaikan perbezaan ini dan masalah-masalah yang telah timbul dan akan timbul, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran menubuhkan satu Suruhanjaya Pemberian Universiti atau di dalam Bahasa Inggerisnya University Grants Commission. Pada masa sekarang kita ada satu Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi yang menyiasat beberapa perkara berkenaan pelajaran tinggi di tanahair kita dan memberi pandangan dan cadangan-cadangan dan nasihat kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Itu memang baik dan sesuai. Tetapi lebih sesuai sekiranya Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Pemberian Universiti atau University Grants Commission supaya masalah-masalah yang timbul antara satu universiti dengan universiti lain boleh diselesaikan oleh Suruhanjaya ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan academic freedom. Saya ada membaca di dalam suratkhbar iaitu Yang Berhormat Menteri Pelajaran sewaktu beliau menemui mahasiswa dan mahasiswi menyatakan academic freedom: mereka tidak boleh membuat tabiat dan mereka mesti mematuhi kepada undang-undang yang ada. Itu memang baik dan benar. Tetapi yang saya hendak sentuh ialah academic freedom kepada Pegawai Akademik. Itu yang lebih mustahak. Kalau kita mencegah academic freedom antara pegawai akademik maka kita

tidak boleh dapat pegawai-pegawai atau orang-orang yang mahir di dalam beberapa ilmu datang ke universiti kita untuk mengajar di sini.

Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran berkenaan pandangan Pegawai Akademik mengenai Harun Report. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri sedar semua Pegawai Akademik tidak menerima Lapuran Harun.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

(*Dengan izin*) Not because the academic people are a special species of human beings but we are competing in an international market for a very scarce commodity and, as such, we cannot apply rules which apply to Local Councils or the Bandaraya or Municipal Councils and the like, or to N.E.B. and the R.R.I. I submit that the academic staff of our universities have a case whereby they should be treated separately from the rest of the statutory bodies. I reiterate again that we have to compete in the international market for academic staff and unless our terms and conditions of service are suitable not only for our local staff but also for those in the international market, I submit that we will not be able to get the staff that we want and, worse still, we will have local staff who will be frustrated and despite the need for Malaysianisation in this country, I submit that it is important that in this country, we should continue to have academic staff from overseas because not to do so would lead to in-breeding in this country and in-breeding is certainly not good for any institutions of higher learning.

I notice that unfortunately the Minister of Education has just left this House, but, nevertheless, I wish to bring to the attention of the officials sitting behind him the fact that the Academic Staff Associations of the various Universities have been refused registration by the Registrar of Trade Unions on the fatuous ground that the employers are different people. Now, this is why I have tabled a question in this House saying that the Government is anti-labour. Surely it is in the interest of the Government to have one single trade union representing all the universities and other higher institutions of learning in this country so that we can have

a common set of working conditions for our universities so that, when the Government wants to negotiate, it can negotiate with one trade union rather than to negotiate with the Academic Staff Association of the University of Malaya, the Academic Staff Association of the Universiti Kebangsaan and the like. I hope that the Minister of Education will use his good offices with the Registrar of Trade Unions to see that there is one trade union representing all the academic staff in this country.

Mr Chairman, Sir, I also wish to bring to the attention of the Minister that it is in the interest of this country that the post-graduate studies in this country should be concentrated in the University of Malaya. This does not mean that because I am a member of the Council of the University of Malaya I am advocating this. I say this because the University of Malaya is the oldest institution of higher learning in this country, it has the resources and it has the facilities for post-graduate studies provided funds are available. It is important if our universities in this country are to develop that we should have a continuous stream of well-developed graduates with post-graduate qualifications to man the various posts not only in our universities but also in both the public and the private sectors.

Mr Chairman, Sir, the Minister in his speech has stated just now that when he talked to the students, some of the students have openly told him that they go to the University—mereka pergi ke universiti bukan untuk mendapatkan ijazah, tetapi mereka pergi ke sana untuk pengalaman atau barangkali untuk membuat kekacauan. Saya hendak menafikan pandangan itu, barangkali ada sedikit sahaja mahasiswa-mahasiswa yang mempunyai pandangan seperti itu, tetapi kebanyakan mereka atau 99.9% mahasiswa dan mahasiswi kita pergi ke universiti, semua pergi ke sana untuk benar-benar melanjutkan pelajaran dan mereka berharap dalam masa 3-6 tahun mereka boleh mendapat ijazah yang cemerlang. Oleh sebab kalau mereka tidak mendapat ijazah mereka tidak boleh mendapat pekerjaan atau mereka tidak mendapat ijazah yang cemerlang seumpamanya Pass Degree sahaja, mereka tidak boleh dapat pekerjaan yang sesuai.

Mr Chairman, Sir, I wish to point out to the Minister—although he is not present here just now—that student activism has come to stay and I hope that the Government will realise this and the Government will not take repressive measures to control student activism. The Honourable Member for Kuala Selangor, who is not here just now, referred to this student activism as a cancer, that if it is not controlled or excised from the body politic it will spread all over this country. I wish to deny that. Perhaps in this House I alone have been connected with higher education in this country ever since the University of Malaya has been started and I wish to say that the students are but voicing the hopes and aspirations not only of themselves but also of the down-trodden masses in this country.

Mr Chairman, Sir, I have here a paper put out by the Sekretariat Barisan Bertindak Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia where they talk of the demonstrations, of the low prices of rubber and of the high prices of the consumer goods. Mereka mengatakan ada yang makan sehari sekali dua hari sekali, tiga hari sekali atau 4 hari sekali.

Tuan Pengerusi: I believe this matter is *sub-judice*, di bawah pandangan mahkamah. Peraturan kita tak benarkan membangkitkan apa-apa perkara yang di bawah pandangan mahkamah sekiranya pada pendapat Pengerusi jika dibahaskan perkara ini akan memprejudikan pihak yang berkenaan. Jadi saya nasihatkan janganlah lagi sebut apa-apa yang bersangkutan atas perkara itu.

Dr Tan Chee Khoon: I bow down to your decision, Mr Chairman, Sir.

Tuan Pengerusi: Ini mengikut Standing Orders, bukan pandangan saya sendiri.

Dr Tan Chee Khoon: I wish to say that the students generally are voicing the hopes and aspirations of the people of this country and far from condemning them for it, we should take notice of it and certainly we should not take any repressive steps to stop them from voicing such matters.

Tuan Pengerusi, saya berasa kesal di dalam ucapan Menteri Pelajaran tidak menyentuh tentang kebocoran matapelajaran Bahasa

Malaysia. Kita sedar kebocoran pada tahun ini adalah terlampau besar sampai Menteri Pelajaran telah membatalkan peperiksaan yang telah dijalankan dan pada 6hb Disember, 1974 semua penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan M.C.E. ataupun S.P.M. dikehendaki mengambil peperiksaan lagi pada hari itu.

Tuan Pengerusi, dalam perkara tersebut, jikalau saya tak salah, Menteri Pelajaran telah menyalahkan penuntut-penuntut tetapi saya hendak menafikan, bukan penuntut-penuntut yang bersalah. Siapa yang bersalah saya pun tidak tahu. Itu terpulanglah kepada Menteri Pelajaran untuk menyiasat perkara ini. Saya berasa hairan, apabila membaca suratkhbar pada hari ini bahawa Polis tidak menyiasat perkara itu, tetapi Biro Siasatan Negara yang menyiasat. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan, mengapakah Biro Siasatan Negara sahaja yang menyiasat perkara itu, tetapi pihak Polis tidak campur tangan di sini dan menolong Biro Siasatan Negara untuk menyiasat dengan teliti dan mendalam atas perkara yang paling penting ini.

Tuan Pengerusi, kita juga tidak tahu kebocoran itu samada berlaku di London atau di sini. Kalau sekiranya kebocoran ini berlaku di London, adakah Menteri Pelajaran atau Kerajaan akan berhubung dengan Scotland Yard untuk menyiasat perkara ini. I wish to say that I am not protesting against the re-examination of all students in this subject, but the Minister must know that in doing so he is penalising the honest students, the students who have not a clue as to what questions were set on that day and might have done very well in that paper on that occasion but now have to sit again for the examination. Their morale, I dare say, is very low and I do hope that when the question papers are being corrected for this subject the examiners or the Examination Syndicate will take into consideration that the morale of the students regarding this paper is at a very low ebb. We had been told only last year by a very high official of the Ministry of Education that it was just not possible for a leakage of examination papers and only a year later we have this massive leakage that occurred not only in Kuala Lumpur but in other areas as well.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh

Tuan Pengerusi: Saya minta kalau dapat Ahli Yang Berhormat pendekkan sedikit teguran atas perkara itu sebab masa adalah pendek dan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap.

Dr Tan Chee Khoon: Ada dua tiga perkara sahaja lagi.

Sekarang, saya hendak sentuh tentang kekurangan guru-guru. Kita telah dengar bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengakui ada kekurangan guru-guru dan wakil dari Besut pun ada mengatakan bahawa di Besut ada sekolah menengah yang tidak ada Guru Sains dan Ilmu Hisab. Kelmarin saya telah hadir di Mesyuarat Lembaga Pengurus atau the Board of Governors of my old school, Tuan Pengerusi—the Kajang High School—and we were told, and I have here a copy of the report of the school where the Headmaster told us “we never had a physics teacher for the last three or four years”. Kajang High School is a school in the rural area and if we do not have a physics teacher and there were other teachers as well who were not available for years on end, how on earth can we hope to improve the standard of science in this country? But worse than this shortage of a scarce commodity like a physics teacher, is the shortage, to me, of staff for the Asrama in the Kajang High School, of Penyelia Makanan, Tukang Masak dan Penolong Tukang Masak. This is where I say that the Ministry should look into this matter very quickly because we have been told by the Deputy Minister to the Prime Minister’s Department that there has been a delegation of authority by the P.S.C. down to the Ministries and lower down to the Departments concerned and that being so, I do not see any reason why for almost a year there should be six posts left vacant. I do hope that the Minister will give directions to the various Directors of Education in the various States that this should not occur because:

- (a) the students in that Asrama are being penalised; and
- (b) there are hundreds of people looking for jobs particularly in these times of recession and yet there have been six posts left vacant and the Headmaster says: “I can’t do anything. In those

days when the Boards were managing the schools, we could fill them up straightaway but now we can't because we can't get permission from the Education Department".

Tuan Pengerusi, in a forum on Monday where various people, including the Naib Chancellor, Universiti Pertanian, Dr Tan Tiong Hong and the others took part in, they all agreed there was a big gap in the middle range of officers, technicians, technical assistants and the like. Looking through these estimates, Tuan Pengerusi, apart from the big sum spent on the I.T.M. and also we do know that the I.T.K. and the University Pertanian also have lots of students doing a diploma course in the various subjects, I am surprised there is not enough effort to try and overcome this middle range of officers. As I look at the estimates, I see for next year there are only 4 vocational and technical schools to be built amounting to \$8 million in Peninsular Malaysia. I submit, Tuan Pengerusi, Sir, that the Minister should give this his personal attention—the training of technicians and the training of technical assistants—because, the Minister well knows that without the middle range of officers, you can have any number of doctors, architects and engineers but they will not be that useful unless you have an adequate number of middle range of technicians, of technical assistants and the like.

Tuan Pengerusi, I wish to draw the attention of the Minister to the efforts by the Dewan Bahasa dan Pustaka to produce Dictionaries. The Dewan has produced a *Kamus Dewan* and that is very necessary but equally necessary is it for the Dewan to produce a good English/Malay Dictionary and a Malay/English Dictionary so that those who want to learn Bahasa Malaysia, and there are many people who want to learn Bahasa Malaysia, can have a good dictionary to help them. I notice in the report by the Dewan Bahasa they say that these are now being looked into but I have enquired about the dictionaries for the last three or four years and I do hope that the Minister will get the Dewan Bahasa to speed up the work of preparing these two dictionaries that I have mentioned, namely, Malay/English Dictionary and English/Malay Dictionary.

Finally, Tuan Pengerusi, the Minister knows that from 1977 all schools from Form I will be not national-type schools but national schools and there will be no fees charged, which means, I hope, the rate of dropout will dramatically be reduced and for 1978 and 1979 this will snowball until we get another roadblock at the L.C.E. level.

Saya berharap Kementerian Pelajaran boleh mengadakan rancangannya sekarang untuk mengambil semua penuntut-penuntut pada tahun akan datang seumpamanya yang berada di Darjah VI dan pada tahun 1976 mereka akan masuk ke Tingkatan I. Jika kita tidak ada rancangan atau tidak membina sekolah-sekolah baharu, maka apabila tiba tahun 1976 kelak, penuntut-penuntut yang berada di Darjah VI sekarang akan masuk pula ke Tingkatan I pada tahun 1976 yang mana tidak ada tempat pula pada di sekolah masing-masing di tanahair kita ini. Saya berharap Kementerian Pelajaran boleh menyediakan rancangan-rancangan untuk mengambil penuntut-penuntut di sekolah rendah yang akan masuk ke sekolah menengah di masa akan datang.

5.10 ptg.

Tuan Ja'afar bin Hamzah (Johor Bahru): Tuan Pengerusi, peruntukan bagi Kementerian Pelajaran yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru sebentar tadi yang pada keseluruhannya berjumlah \$1,287,412,694 di bawah Kepala B. 23 dan B. 24 adalah sangat-sangat menasabah dan disokong.

Tuan Pengerusi, saya sangat-sangat tertarik hati terhadap tugas-tugas dan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pelajaran untuk dapat mengeluarkan pelajar-pelajar yang terdiri daripada golongan kaum-kaum intelek yang bakal menjadi harapan masyarakat di masa akan datang dan kepada kaum intelek inilah terletaklah harapan bagi mengharumkan negara kita di mata dunia atas kebijaksanaan kepandaian serta kebolehan yang diperolehi oleh mereka ini dan dengan yang demikian, saya percaya negara Malaysia ini akan disegani oleh negara-negara asing dan seterusnya menghormati negara kita Malaysia. Kita memang menaruh kepercayaan penuh kepada kaum-kaum intelek ini bagi mengendalikan serta mencorakkan negara kita di masa akan datang dengan lebih baik dan sempurna

apatah lagi untuk menjadi atau mengambil alih pucuk pimpinan bagi memimpin negara kita seterusnya, dan sekiranya rakyat ini memberikan sokongan yang penuh kepada mereka itu untuk memegang teraju pimpinan bagi negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini bagi membicarakan Kepala B. 23 dan juga B. 24 berhubung dengan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh sebilangan kecil pelajar-pelajar daripada Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang semakin hari nampaknya berluas-luasan mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan dengan tidak sekali-kali mengindahkan undang-undang negara kita.

Tuan Pengerusi: Tadi saya telah menasihatkan Yang Berhormat Ahli dari Kepong minta jangan disebutkan perkara tunjuk perasaan dan sebagainya, sebab perkara itu saya telah diberi faham ianya adalah di bawah pandangan mahkamah. Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan disebut sesuatu perkara itu, jikalau pada pendapat Yang di-Pertua, jika dibahas atau disebut, akan mencacat atau memprejudicekan hak dan faedah kepentingan pihak yang berkenaan. Saya berpendapat bahawa jika disebut, akan mencacat hak dan faedah kepentingan pihak yang berkenaan.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk menyentuh sesiapa.

Tuan Pengerusi: Ini semua bersangkut-paut, ayat-ayatnya bersangkut-paut dengan apa rusuhan yang ada berlaku semalam.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Bahkan untuk kepentingan negara, Tuan Pengerusi, kalau dapat saya izin mengulas sedikit.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh! Kalau Ahli Yang Berhormat hendak sebut mana-mana Kepala, boleh.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di dalam masaalah Kepala Bekalan B. 23 dan B. 24 juga saya tidaklah hendak menyentuh lagi perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Tuan Pengerusi tadi, tetapi inginlah saya menarik perhatian kepada Menteri yang berkenaan berhubung dengan perun-

tukan-peruntukan bagi Kementeriannya iaitu apalah kiranya pihak Kementerian yang berkenaan dapat menjalankan satu-satu siasatan yang lebih tegas lagi bagi mengawasi perjalanan akademi yang ada di negara kita pada masa ini dan di samping itu, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini bahawa terdapat juga setengah-setengah pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran yang ada di negara kita ini dan boleh dikatakan sebilangan besar daripada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi memajukan serta melicinkan jentera pelajaran di masa-masa yang akan datang terdapat apabila pegawai-pegawai itu membuat lawatan-lawatan ke sekolah-sekolah di luar-luar bandar kadang-kala di dalam masa sebulan boleh dikatakan pegawai-pegawai yang membuat lawatan-lawatan di luar-luar bandar di sekolah-sekolah yang lebih jauh daripada bandar terdapat kadang-kala sampai empat lima kali sebulan membuat lawatan-lawatan dengan tujuan untuk mencari jalan berikhtiar bagi memperbaiki keadaan mata pelajaran di sekolah-sekolah yang tertentu itu.

Di dalam keadaan yang seumpama ini, saya fikir sudah sampailah masanya pihak Kementerian ini berhati-hati bagi membenarkan pegawai-pegawai ini membuat lawatan-lawatan yang seumpama itu, kerana kalau satu bulan kita beri mereka membuat lawatan sampai empat lima kali membuat tuntutan-tuntutan yang dibuat yang ada kadang-kalanya berlebihan daripada gaji yang diterima pada tiap-tiap bulan. Ini bukanlah saya hendak menghalang di atas tanggungjawab yang telah ditugaskan kepada mereka itu tetapi ada baiknya kalau dapat pegawai-pegawai itu menjalankan tugas dan tanggungjawab pergi daripada satu sekolah ke satu sekolah yang boleh diperbaiki daripada satu masa ke satu masa dengan tidak menumpukan sepenuh masa kepada satu sekolah sahaja.

Tuan Pengerusi oleh sebab tadi saya telah menyentuh di dalam masaalah yang nampaknya perkara yang boleh menimbulkan kepada pihak-pihak yang berkenaan, rasa saya perkara itu sudah lari daripada landasan apa yang patut hendak saya cakapkan dan dengan ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

5.18 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu): Saya mohon bercakap dalam cadangan Kementerian Pelajaran di bawah Kepala B. 24, Pecahan-kepala (1) dan (2) mengenai sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah di Sarawak. Oleh kerana masa perbahasan ini tidak panjang, saya ingin menyentuh kepada keadaan pelajar-pelajar di kawasan pilihanraya (constituency) saya Bau-Lundu yang mana saya percaya dapat diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Perkara yang pertama, boarding schools. Boarding di sekolah menengah Bau-Lundu tidak baik walaupun di sekolah-sekolah sana ada boarding, tetapi tidak cukup besar malahan murid-murid yang tinggal di sekolah itu makin bertambah tiap-tiap tahun. Murid-murid dari kampung-kampung yang berjauhan dari sekolah yang tinggal di sana terpaksa tidur di atas katil yang bertingkat empat atau enam. Saya mohon menarik perhatian di sini bahawa ada baiknya kalau pagar dibuat di sekeliling Sekolah Menengah di Bau-Lundu dari segi keselamatan dan juga pagar patut dibuat di boarding schools for boys dan boarding schools for girls.

Saya memohon Kementerian Pelajaran mengadakan tambahan kepada sekolah-sekolah boarding yang saya sebutkan di sini, dan saya juga suka menyentuh di bawah Pecahan-kepala yang tersebut kepada kekurangan guru-guru yang cukup pengalaman di dalam Ilmu Hisab dan Sains di sekolah menengah di Bau-Lundu, dan keadaan guru sementara yang bila adanya pekerjaan yang diberi kepada mereka oleh majikan-majikan yang lain lalu meletakkan jawatannya di sekolah itu dan ini mengakibatkan "break" di dalam pengajaran. Ini menyebabkan murid-murid di sekolah menunggu berminggu-minggu duduk di bangku sekolah menanti guru-guru baharu yang lambat tiba. Saya dengan kebenaran Tuan Pengerusi, membuat permohonan kepada Menteri Pelajaran supaya beliau membuat kajian agar dapat mengatasi masalah yang saya sebutkan ini.

Yang ketiga, saya menyentuh kepada sekolah rendah, iaitu saya dipaksa oleh rakyat Malaysia di Kampung Jagoi Bau membuat permohonan di Rumah yang mulia

ini mengenai sekolah rendah di Kampung Jagoi Bau, yang mana sekolah tersebut dibuat dengan memakai zinc dan perkakas second-hand yang diberi kepada kampung tersebut oleh askar yang meninggalkan kemnya di sana, dan saya memohon di sini wang diperuntukkan oleh Kerajaan supaya membina sekolah yang baik dan sesuai dengan kehendak murid-murid di sana, boleh jadi juga jikalau sebuah sekolah rendah yang besar untuk murid-murid yang berdekatan dengan kampung itu dibina sekali untuk murid-murid bersekolah di sana.

Dan juga saya mengambil peluang ini untuk memohon kepada Kementerian Pelajaran supaya mengkaji samada sesuai atau tidak, kalau murid-murid dari kampung yang jauh dari bandar dihantar hanya ke sekolah yang bukan berdekatan dengan kampungnya, tetapi jauh seperti di Bau dihantar ke Kuching dan dari Kuching dihantar ke Bau supaya dari segi persahabatan dan persaudaraan ini lebih lagi baik. Lagi saya bercadang ini dari segi persekolahan dan perguruan dan facilities yang mana ada perbezaan di antara sekolah yang di bandar dan di tempat yang berdekatan dengan kampung. Kalau murid-murid dari tempat ini bertukar saya fikir dari segi masyarakat ini adalah baik dan sesuai dan saya memohon Kerajaan mengkaji supaya kita bertujuan kepada correcting imbalance in education di antara urban dan rural.

5.24 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, dalam tempoh empat lima tahun yang lepas perkembangan dan kemajuan di lapangan pelajaran tinggi dalam negeri kita ini telah dapat dicapai dengan pesatnya. Dalam tempoh yang singkat beberapa buah universiti baharu telah dilahirkan, telah didirikan dan bagi pihak kita rakyat jelata tentulah rasa gembira yang kemajuan begini baik sudah dapat dicapai. Akan tetapi memandang kepada keadaan kita yang sedang maju di dalam lapangan perindustrian, perusahaan barangkali kita patut menumpukan pula perhatian, kegiatan dan usaha kita untuk memperkembangkan yayasan ataupun maktab-maktab bercorak politeknik yang boleh menghasilkan warganegara kita, umat kita, lengkap dengan kemahiran secara teknikal

dan professional. Di lapangan inilah barangkali patut kita tumpukan perhatian yang lebih berat di dalam tempoh empat, lima tahun yang akan datang ini.

Berkaitan dengan perkara ini barangkali elok juga kalau kita adakan maktab-maktab politeknik ini, mengadakan bukan sahaja diploma-diploma, tetapi ada diploma-diploma tinggi (higher diploma) yang diiktiraf dan disamakan dengan ijazah-ijazah universiti sebagaimana yang dilakukan di lain-lain negeri supaya mereka yang diterima masuk dalam kolej-kolej ataupun maktab-maktab politeknik ini tidak berasa sebagai orang second class ataupun orang yang bermutu rendah, akan tetapi sekiranya mereka dapat memenuhi segala syarat dan segala ujian dan peperiksaan yang sama setaraf dengan taraf universiti, mahupun antara mereka setengah-setengahnya masuk dengan Sijil Pelajaran Malaysia, bukan Sijil Tinggi Persekolahan akan tetapi dibenarkan pula selepas menamatkan diplamanya yang diiktiraf sama setaraf seperti Sijil H.S.C.—dibenarkan pula terus melanjutkan pelajaran sehingga dapat diploma tinggi yang sebagaimana kata saya sama setaraf sebagai ijazah ataupun degree. Itu satu perkara yang saya hendak mengemukakan, Tuan Pengerusi.

Lagi satu perkara yang saya rasa patut kita timbangkan ialah tujuan dan juga attitude tentang pelajaran. Pada saat ini kita menggunakan perkataan “pelajaran” untuk menamakan Kementerian yang diberi tanggungjawab “mendidik” anak-anak kita. Saya sendiri tak tahu kalau perkataan ini ialah satu-satu perkataan yang memang sudah sesuai ataupun barangkali ini juga membayangkan attitude kita, iaitu semata-mata untuk dapat pelajaran, dapat sijil, dapat surat supaya dapat kerja ataupun samada sistem pelajaran, pendidikan ini ialah untuk education, untuk mendidik, untuk mengasuh, untuk membentuk manusia yang akan menjadi rakyat yang berguna, yang cintakan bangsa, nusa dan ugamanya, yang taat-setia, yang berkesanggupan, yang mempunyai akhlak, yang akan sanggup berkhidmat dan sebagainya. Bukan saya hendak syorkan supaya ditukarkan pula nama Kementerian ini—tidak, tetapi barangkali kita sama-sama patut insaf bahawa kerap kali kita hanya mengejar certificate, mengejar ijazah, mengejar sijil supaya dapat kerja dan saya dapati anak-anak kita pada

hari ini dipaksa belajar lebih banyak daripada waktu kita muda belaka, macam-macam mesti dihafal, macam-macam mesti dibaca, yang akhirnya barangkali tidak ada guna langsung semasa lepas sekolah. Ini juga saya tidak persoalkan.

Kalau ini menjadi satu cara untuk mengasuh akal, menajamkan akalnya supaya dia dilengkapi menjadi seorang manusia yang berguna di kemudian hari, baik dijalankan terus, akan tetapi elok kita juga tidak tinggalkan tanggungan kita untuk membentuk umat kita, khususnya dalam keadaan kita ini menjadi rakyat yang bukan sahaja setia, tetapi sama-sama dapat bekerja, sama-sama saling mengerti supaya dapat kita adakan perpaduan-perpaduan nasional, perpaduan kebangsaan, sehingga lama-kelamaan kita tidak lagi merasa kita ini Melayu, China ataupun Indian dan sebagainya. Kita memang selama-lamanya akan tinggal Melayu, China dan Indian, kita sayang bahasa ibunda, kita memang akan menurut kehendak Perlembagaan yang menjamin kita semua ada berhak, bukan sahaja memper-tahankan, akan tetapi dapat mengembang dan memajukan bahasa ibunda dan kebudayaan kita masing-masing. Tetapi sambil masing-masing mendukung dan memper-tahankan bahasa dan budaya asal kita itu dapat kita rasa tidak terasing antara satu sama lain menjadi umat Malaysia, warga-negara Malaysia, bangsa Malaysia.

Saya fikir sekolah-sekolah kita, sistem pelajaran kita mempunyai peranan yang sangat penting. Saya suka hendak kemukakan satu pendapat khasnya waktu pihak pemerintah sedang menimbang cara-cara perlaksanaan dasar pelajaran. Samada dapat kita seberapa cepat mungkin berikhtiar supaya semua kanak-kanak kita, tidak kira samada keturunan Melayu, China atau Indian, tidak kira samada kita belajar di aliran bahasa Kebangsaan ataupun bahasa China ataupun bahasa Tamil, dapat bersama-sama di dalam sebuah sekolah, di dalam satu bangunan, “under one roof”, di mana bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan dapat menjadi bahasa perantaraan, bahasa perhubungan, bahasa perpaduan, dan menerusi bahasa perantaraan dan perhubungan ini, kita semua dapat bergerak, berjalan, belajar, bermain bersama-sama sambil berpeluang masing-masing belajar mata pelajaran kita masing-masing

dan sambil berpeluang dapat belajar bahasa kita, bahasa ibunda sebagaimana yang dijamin dalam Perlembagaan.

Saya rasa susah, selagi ada sekolah-sekolah: aliran China, asing; aliran Tamil, asing, aliran Kebangsaan asing. Saya rasa baik yang baru-baru ini kita telah satukan sekolah bahasa Inggeris itu dengan sekolah bahasa Melayu menjadi sekolah Kebangsaan. Tetapi saya berharap tidak akan timbul salah faham cadangan saya ini dan saya harap tidak timbul keraguan tentang hak setiap umat belajar bahasanya sendiri, memper-tahankan kebudayaannya sendiri sambil berada di dalam satu bangunan, di satu sekolah sama-sama bermain, sama-sama seronok samada bersenang ataupun kalau susah sama-sama bersusah. Selagi ada sekolah-sekolah yang diasingkan menurut aliran bahasa, selama itulah saya fikir susah hendak dapatkan anak-anak daripada keturunan Melayu, anak-anak daripada keturunan China, anak-anak daripada keturunan Indian ini dapat bercampur-gaul dengan mesra, dengan erat dengan menjadi satu bangsa Malaysia betul-betul. Lain-lain negeri sudah cuba cara ini, barangkali setengah negeri-negeri jiran kita sudah cuba. Saya rasa kalau dapat dicuba di lain tempat, di sini juga sudah sampai masanya kita cuba.

Lagi satu perkara saya suka kemukakan iaitu kebimbangan setengah orang kalau kita lama-lama mengekalkan tempat-tempat pelajaran di mana Melayu sahaja se tempat, bukan Melayu se tempat. Walaupun oleh satu-satu sebab ini terpaksa dijalankan, tetapi kita mesti carilah jalan seberapa cepat mungkin. Kalau keadaan mengizinkan dicuba setiap tempat pelajaran dapat dicampur semua keturunan supaya dapat kita meng-atasi soalan ini, khasnya asrama-asrama (boarding schools). Saya fikir keadaan yang dijalankan pada hari ini memang kena dan patut pada tempatnya oleh sebab daripada luar bandar kanak-kanak itu memerlukan asrama, maka kemudahan-kemudahan semacam ini patut diberi kepada mereka. Akan tetapi, seberapa boleh di masa akan datang dengan cara percubaan kalau kita tidak dapat dengan seluas-luasnya mengamalkan cara itu, cuba campurkan anak-anak walaupun daripada luar bandar, semua keturunan duduk bersama-sama dalam asrama.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan satu dua perkara yang barangkali kita berkewajipan membersihkan ataupun membetulkan supaya tidak mendatangkan salah faham ataupun salah bawa di sisi umat atau di sisi rakyat jelata. Saya fikir soal academic freedom tidak menjadi soal parti. Soal academic freedom bukan satu perkara yang dichampionkan oleh pihak pembangkang sahaja, kami dari pihak Kerajaan juga mendukung academic freedom. Begitu juga tentang kebebasan untuk mahasiswa. Banyak di antara kita sendiri, telah melalui pengalaman di waktu-waktu masa kita sendiri muda, dan kita sedar bahawa di waktu kita muda, masa kita idealistik, banyak fikiran dan pendapat untuk membentuk dunia ini, untuk membetulkan apa yang kita pandang pada fikiran dan pendapat kita pada waktu itu tidak betul patut dibetulkan. Barangkali di antara kita di sini banyak orang yang 20-30 tahun dahulu terkenal sebagai orang yang buat kacau dan yang membangkit itu dan ini yang menakutkan establishment. Apabila umur kita telah meningkat, sudah mendapat lebih banyak pengalaman, dapat berjalan sana-sini, lebih membaca dan lebih faham kita sedar, bagaimanapun tujuan kita di waktu itu difikir baik dan betul, akan tetapi daripada pengalaman kita dan dari apa yang kita lihat di sana-sini, daripada apa yang dilakukan oleh orang lain, kita sedar untung-baik apa yang terfikir oleh kita pada waktu itu tidak diterima oleh orang. Untung dan baik apa yang kita hendak buat pada ketika itu tidak dijalankan, kerana perkara yang kita fikir waktu itu sebaik-baiknya jalan, orang lain juga fikir sebaik-baik jalan yang telah cuba, telah gagal dan mendatangkan kerugian, mendatangkan kesusahan kepada orang ramai sendiri. Ini satu perkara. Sungguhpun begitu, kita mesti beri kesempatan, kita mesti beri kemudahan dan kesenangan kepada orang muda, khasnya yang ada di tempat pelajaran tinggi supaya rajin buat experiment, supaya dapat bertukar fikiran dan herbahath secara bebas. Akan tetapi ini tidak pula bereti yang mereka itu mesti diberi keyakinan bahawa apa yang mereka kemukakan itu kita terpaksa menerimanya ataupun apa yang mereka kemukakan itu mesti diterima dan mesti ditimbangkan. Tidak ada sebarang negara, tidak ada sebarang bangsa dan tidak ada sebarang Kerajaan di mana pun yang boleh didesak oleh penuntut-penuntut sekolah ataupun

penuntut universiti. Bukan kerana mereka mempunyai Ph. D. boleh kata itu betul, itu salah dan itu baik. Kita mewakili rakyat, yang bersandarkan kepada sokongan orang ramai telah bercampur dengan mereka dan terpaksa kadang-kadang kita lebih mendengar orang yang memilih kita, orang yang mengundi kita daripada dengar orang-orang yang dikatakan "egg-head", yang tidak ada rambut di atas kepala, barangkali kadang-kadang tidak ada beban sama sekali dan tidak bertanggungjawab pada sesiapa cuma ikut hati experiment satu idea dan dia bebas boleh keluarkan fikiran dan pendapat. Kita yang menjadi Wakil Rakyat dan Kerajaan yang kita dokong terpaksa bergantung kepada orang ramai dan mesti ukur tiap-tiap langkah dan tindakan kita menurut kemahuan orang ramai, ini yang penting. Sebab itu saya rasa kalau kita hendak mengamalkan demokrasi, kita mesti mengalakkan mereka. Akan tetapi kita tidak boleh menerima satu keadaan di mana kita disuruh (dictate) dan diperintah kalau tidak nanti timbul huru-hara, atau kalau tidak kami hendak buat itu dan ini.

Kebebasan akademik, kebebasan bersyarah dan bercakap bukan bererti kebebasan melanggar undang-undang. Sebarang undang-undang bukan sahaja penuntut-penuntut mesti mematuhi, tetapi kita sendiri sebagai Wakil Rakyat dan juga Kerajaan sebagai Pemerintah mesti mematuhi. Adalah menjadi kesalahan bagi Kerajaan yang ada kewajipan untuk mempertahankan keselamatan negeri, kalau Kerajaan tidak menjalankan langkah yang wajar menurut undang-undang. Dalam perkara ini kita tidak bangkitkan apa yang sedang terjadi, saya cuma kemukakan pada dasarnya, prinsipnya, ini patut kita sama-sama menimbangkan. Boleh jadi mereka yang sudah mengalami kekalahan yang begitu terok dalam pilihanraya hingga hilang wang deposit hendak cuba pula memancing semula, menggunakan orang-orang yang mempunyai idealism, yang bersemangat suci dan jujur. Saya cuma dapat memberi amaran kepada saudara dan saudari kita yang masih belajar, yang mempunyai semangat seperti semangat saya sendiri masa 30 tahun dahulu. Saya rasa penuntut-penuntut ini bersih, jujur, niat baik dan idealistic sanggup berkorban, sanggup susah, sanggup berpuasa, sanggup ditangkap dan sanggup dilemparkan bom pemedih mata, dan sanggup mati kerana mereka mahu

sesuatu yang baik, sesuatu yang patut diadakan untuk membersihkan, menegakkan dan membetulkan demi kepentingan bangsa dan negara. Orang seperti ini kita mesti hormati, dan saya sendiri memelok mereka sebagai saudara saya sendiri. Tetapi saya suka memberi amaran kepada mereka, jangan kena jadi perkakas, dan diperalatkan oleh mereka yang tidak dapat mencapai kemenangan secara demokrasi, secara pilihanraya, yang hendak cari jalan extra constitutional, luar daripada Perlembagaan dan luar daripada undang-undang. Kalau kita terpengaruh dan tertipu bukan sahaja sia-sia kita rasa pedas dan pahit-maung itu, tetapi bila kita tua sedikit akan merasa kesal dan bodoh kerana telah dipergunakan semacam ini.

Tuan Pengerusi, ramai adik-adik kita barangkali anak-anak kita juga, menghadapi krisis semacam ini, mahu campur atau tidak, mahu serta atau tidak. Janganlah mengeluarkan kata-kata yang tidak patut. Sebaliknya mahulah kita terima mereka sebagai adik-adik, anak-anak kita yang sesat. Berilah perlindungan dan pertolongan supaya mereka itu selamat, tidak diseksa, dan yang mana belum kena (saya percaya lebih ramai yang tak terlibat) orang-orang ini pula kita tolong jaga supaya tidak kena.

(Tuan Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

5.44 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang bercakap pada hari ini. Saya turut sama bangun menyokong peruntukan belanja Kementerian Pelajaran.

Dalam Jawatankuasa Dewan pada hari ini, inginlah saya menarik perhatian mengenai Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pelajaran yang telah dibentuk yang mana Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri menjadi Pengerusinya. Untuk mendapatkan pendapat-pendapat daripada ibu bapa, saya telah menggunakan sebuah Sekolah iaitu St. John yang kedua, di Kuala Lumpur ini telah dapat menghantar lebih kurang 1,000 orang ibu bapa sebanyak 17 soalan yang berbentuk "questionnaire", meminta pendapat ibu bapa samada Dasar Pelajaran yang ada pada hari ini sesuaikah

atau tidak untuk masyarakat kita yang berbilang bangsa dan untuk khidmat masyarakat yang kita sedang hadapi pada hari ini. Daripada 1,000 orang ibu bapa itu lebih kurang 700 orang telah memberi jawapan dan pada hari ini inginlah saya mengemukakan pendapat ibu bapa di dalam Dewan ini, terutama sekali pandangan ibu bapa terhadap kenaikan secara automatik sehingga ke Tingkatan III iaitu selama 9 tahun bersekolah. Ibu bapa berpendapat kenaikan cara automatik ini membuatkan kanak-kanak daripada darjah rendah lagi sudah tidak tekun dalam mata pelajaran. Kanak-kanak ini cuma sibok apabila guru-guru mengatakan hendak mengadakan peperiksaan, dengan itu ibu bapa berpendapat kenaikan cara automatik hendaklah dihapuskan, ataupun dasar kenaikan cara automatik hendaklah dikaji semula, sebab negara kita ini bukan semuanya ibu bapa yang mempunyai penuh tanggungjawab terhadap pelajaran anak-anak mereka.

Kita sendiri sedar dan tahu jadi kenapakah yang kita mesti menganiayakan keturunan warganegara kita sendiri. Ibu bapa juga sangat bersetuju mengadakan peperiksaan pada tiap-tiap tahun dan hasil atau nilai daripada peperiksaan inilah yang boleh menentukan mutu pelajaran yang diterima oleh anak-anak kita waktu dalam bangku sekolah. Dan pada masa ini Sekolah Rendah ada sejenis peperiksaan yang dianjurkan oleh Kementerian iaitu Standard III Banyak ibu bapa berpendapat peperiksaan ini tidak mendatangkan hasil dan kalau hendak hendaklah disusun semula sistemnya supaya memberi kesan kepada sekolah dan kanak-kanak.

Satu perkara lagi masaalah kenaikan darjah secara automatik ini merugikan kanak-kanak yang lemah, sebab itulah ibu bapa meminta pihak sekolah menahan anak-anak yang masih lemah di sekolah darjah bawah, dan dalam pada itu menghidupkan semula express class supaya memberi galakkan ataupun memberi contoh yang baik kepada murid-murid ataupun kanak-kanak yang cerdas ataupun yang terang hati.

Mengenai bahasa Inggeris ibu-bapa meminta supaya masa pelajaran bahasa Inggeris itu ditambah, kerana bahasa Malaysia pada hari ini telahpun diterima keseluruhannya menjadi bahasa pengantar. Ini adalah untuk persediaan untuk kanak-kanak itu sewaktu

hendak melanjutkan pelajarannya selepas bangun sekolah ataupun sewaktu hendak keluar negeri dan juga pelajaran moral serta pengetahuan am hendaklah menjadi mata-pelajaran yang wajib di dalam sekolah rendah supaya selaras dengan kehendak ajaran Rukunegara kita.

Saya sangat bersetuju dengan pendapat sahabat saya dari Kepala Batas iaitu masaalah sikap murid-murid sekolah sehinggalah mereka masuk ke pelajaran tinggi, masuk ke maktab-maktab dan sehingga ke universiti. Kalau sikap daripada bangku sekolah lagi mereka tidak menghormati atau tidak mempunyai satu perasaan tanggungjawab, kerana tidak ada pendidikan moral yang serious, tidak ada apa yang mereka takutkan. Inilah keadaan huru-hara yang kita tengok yang berlaku di dalam negara kita. Pelajaran moral ini hendaklah meliputi ugama-ugama lain supaya kanak-kanak itu daripada kecil-kecil lagi memahami kehendak-kehendak ataupun konsep-konsep ugama-ugama selain daripada ugamanya, daripada situ barulah mereka menghormati sahabat-sahabatnya dan ini sesuai dengan adanya kehendak perpaduan negara. Dengan saling menghormati inilah yang boleh menjamin keharmonian negara kita yang berbilang bangsa ini.

Banyak juga ibu-bapa, Tuan Pengerusi, yang bersetuju iaitu pelajaran ataupun pendidikan sex dengan menitik-beratkan daripada unsur-unsur ugama dan kesihatan diajar mulai daripada dibangku sekolah rendah supaya perkataan sex itu tidak terkeliru ataupun tidak disalahgunakan oleh kanak-kanak kita supaya mereka biasa dan tahu apakah kebbaikannya pendidikan sex tersebut.

Mengenai sukan kita tengok pada hari ini dalam ucapan saya yang mula-mula saya telah terangkan. Sukan di dalam negara kita makin sehari makin malap, kerana tidak banyak galakan ataupun masa yang diuntukkan bersukan. Ibu-bapa berpendapat guru-guru hendaklah menitikberatkan permainan sukan ini di luar masa sekolah, bukannya di waktu sekolah, iaitu kurangkan masa untuk permainan, terutama pertandingan, sukan di dalam masa sekolah. Di sini ibu-bapa berkehendakkan didikasi daripada guru. Janganlah pada hari ini mengajar itu telah menjadi satu cara commercial yang mana untuk hendak menambahkan pendapatan sehingga

tanggungjawab dan perasaan didikasi kalau dibandingkan dengan guru-guru yang mengajar kita sewaktu sekolah dahulu berlainan sangat. Di dalam Dewan ini inginlah saya merayu kepada guru-guru menghidupkan balik semangat didikasi, jujur dan ikhlas demi untuk kepentingan negara kita bagi menentukan dan mejamin kedudukan bangsa, negara dan ugama kita pada masa yang akan datang. Dan juga dalam masaalah sukan ini meminta pihak Kementerian memberi bantuan ataupun subsidi kepada murid-murid yang betul-betul ada minat dan ada kebolehan di dalam sesuatu lapangan sukan. Ini akan menggalakkan dan memberi peluang kepada murid-murid yang ibu-bapanya berpendapatan rendah untuk mereka menikmati seperti sahabat-sahabat ataupun anak-anak atau kawan-kawannya yang lain yang ibu-bapanya tidak sanggup hendak membelikan alat-alat sukan. Dan juga bagi menentukan masa hadapan pelajaran vocational guidance untuk sekolah rendah hendaklah diwajibkan.

Satu perkara lagi banyak kita dapati pada hari ini masa, ada ketikanya terbuang kerana tidak seimbangny cuti sekolah: Penggal Pertama, Penggal Kedua dan Penggal Ketiga. Banyak ibu-bapa meminta kepada Menteri Pelajaran yang baru ini memikirkan semula sistem penyusunan cuti penggal supaya tidak ada cuti penggal itu pendek sangat, tetapi Penggal Ketiga ini sampai berbulan-bulan dan masa banyak terbuang. Jadi mereka meminta di selaraskan Penggal Pertama dan Penggal Ketiga itu dipendekkan seperti Penggal Pertama.

Satu perkara yang anih berlaku pada hari ini, Tuan Pengerusi, ialah kerana adanya pelajaran yang tertentu dimulakan daripada awal-awal dari Form I iaitu telah dimulakan specialise dalam sains dan sastera (arts). Kita dapati pada hari ini apabila seseorang murid setelah lulus Tingkat V dan apabila telah diberi pekerjaan mereka tidak tahu basic knowledge, tidak seperti kami di dalam bangku sekolah dahulu yang mana pelajaran arts dan sains itu disatukan sehingga sampai Tingkatan IV ataupun Tingkatan V. Selepas daripada itu barulah dicabangkan sejauh manakah aliran khas yang hendak diikuti. Dengan sebab itulah kita dapati murid-murid tahun lima-puluhan dan enam-puluhan dahulu mereka sekurang-kurangnya apabila menghadapi masaalah kehidupan dalam pekerjaannya tahu serba sedikit asas apa

yang dikatakan general science, kira-kira (mathematics) dan sebagainya. Sebab seperti yang diterangkan oleh saudara saya dari Kepala Batas tadi saya sangat bersetujulah juga iaitu murid-murid dilonggokkan dengan bermacam-macam pelajaran sehinggakan tidak diterima oleh pemikiran ataupun otak, wal-hal segala mata-mata pelajaran yang mereka pelajari itu apabila mereka telah besar dan telah bekerja menghadapi masaalah penghidupan, pelajaran-pelajaran yang mereka pelajari itu tidak ada gunanya dalam masaalah mencari mata pencarian dalam kehidupan.

Tuan Pengerusi, di sini inginlah saya menyentuh sedikit masaalah sikap penuntut-penuntut kita di luar negeri, sebagaimana yang kita telah dengar. Penuntut-penuntut kita di luar negeri kenapa mereka ini senang sahaja seolah-olah tidak ada iman atau tidak ada kepercayaan kepada negaranya, telah merosakan imej negara dengan perkataan-perkataan yang bukan-bukan. Ini ada juga kaitannya dengan dasar ataupun sistem pelajaran di bangku sekolah. Maka dengan sebab itulah saya berharap sangat kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita mikirkan masaalah supaya tiap-tiap penuntut yang hendak keluar negeri ini dilengkapi dengan ilmu pengetahuan negerinya sendiri, sebab mereka itu adalah sebagai ambassador ataupun duta di kalangan rakyat jelata daripada satu-satu negara yang mereka pergi. Tetapi apa yang mereka kata dan apa yang mereka buat di satu-satu negara itu reflect, menggambarkan keadaan masyarakat yang ada di dalam negara kita ini.

Satu perkara lagi ibu-ibu bapa juga meminta supaya mata-mata pelajaran khas ataupun specialise subject ini diadakan selepas Tingkatan IV ataupun Tingkatan V dengan tujuan untuk mengingatkan balik keadaan supaya murid-murid menghormati guru-guru. Saya rasa survey ini cukup bagus kerana menggambarkan pemikiran ibu-bapa iaitu bersetuju pada masa sekarang berkehendakkan supaya rotan ini diperkenalkan balik dalam sekolah. Bukannya kuasa rotan itu diberi kepada guru besar sahaja, tetapi ibu-bapa bersetuju supaya memberi kuasa merotan itu kepada tiap-tiap guru darjah. Sebab sekarang ini murid-murid tidak menghormati guru darjah, sebab mereka tahu walau macammana mereka nakal dan membuat apa sekalipun kalau guru darjah itu

sayang dan kasih, maka guru itu tidak akan menghantarkannya kepada guru besar dan mereka tidak kena rotan. Saya rasa patut dirotan dia balik dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya meluluskan dan dibuatkan balik seperti kita di sekolah dahulu, maka dengan sebab itulah kita sekarang ini menjadi orang yang baik.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya tahu kesulitan yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran. Tetapi ramai juga ibu-bapa yang mendesak demi untuk kepentingan murid-murid ini, jumlah murid-murid di tiap-tiap satu darjah ada kalanya terlampau ramai. Ibu-bapa berharap ikutilah sistem lama iaitu daripada 50 orang diturunkan menjadi 40 orang. Dalam perkara jumlah murid-murid ini inginalah saya menyentuh masaalah pelajaran agama yang dilakukan ataupun yang dijalankan di dalam bangku sekolah pada hari ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersikap tegas dalam perkara ini. Kalau satu-satu sekolah itu tidak mempunyai guru yang cukup tidak usahlah dibenarkan sekolah itu belajar agama. Ini seolah-olah sudah menjadi omong-omong yang menyusahkan ibu-bapa, menyusahkan murid-murid dan menyusahkan guru-guru. Kadang-kadang satu-satu sekolah itu sampai 150 orang dan seorang guru agama. Hendak buat apa. Sudahlah cara pengajaran agama itu diajar waktu matapelajaran lain semuanya sudah selesai. Jadi, anak-anak kita yang masih kecil lagi, misalnya, sekolah itu habis pukul 1.00 petang tetapi oleh kerana hendak menyambung pelajaran agama maka sampai pukul 4.00 ataupun pukul 5.00 petang baru sampai ke rumah. Ini saya rasa janganlah kita ini menjadi sasaran dan dituduh membuat dasar seperti melepaskan batuk di tangga sahaja, pada sisi agama. Ini akan menyayat hati ibu-bapa. Seolah-olah pihak Kerajaan meringan-ringankan pelajaran agama terhadap anak-anaknya.

Tuan Pengerusi, oleh sebab pada satu ketika dahulu kita telah berkempen menyuruh anak-anak kita rajin membaca, tetapi kebanyakan sekolah tidak mempunyai bilik-bilik dan kemudahan-kemudahan perpustakaan. Ini satu perkara yang amat penting. Maka dengan sebab itulah saya merayu kepada Kementerian Pelajaran memikirkan dengan sedalam-dalamnya mengenai bekalan alat-alat kemudahan-kemudahan buku-buku dan bilik perpustakaan kepada tiap-tiap

sekolah. Ibu bapa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan juga Kerajaan kerana telah bersetuju iaitu penukaran buku buku teks diadakan tiga tahun sekali dan juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pelajaran kerana membekalkan buku-buku teks percuma kepada anak-anak yang ibu bapanya berpendapatan rendah. Tetapi inginalah saya memberi ingatan kepada Kementerian Pelajaran iaitu masaalah perlaksanaan. Kalau tidak silap saya, semalam saya ada membaca Editorial dalam Malay Mail bertajuk "In the dark"—masih dalam gelap iaitu pembekal-pembekal buku atau Pusat Penjualan Buku hingga sekarang ini masih lagi tidak mendapat arahan daripada Text Bureau, apakah yang hendak mereka buat. Jadi saya berharap kepada Kementerian Pelajaran walaupun dari segi dasarnya baik iaitu hendak menolong orang yang susah, tetapi janganlah waktu kita hendak menolong, buku itu tidak sampai dan kalau buku itu sampai sudah tidak ada gunanya lagi kepada murid sebab pelajaran itu sudah habis. Ini ada satu perkara baru, tetapi ini ditujukan kepada kanak-kanak yang di dalam bandar. Ada sebuah sekolah—bukan semuanya sekolah—telah mengadakan insuran keselamatan untuk kanak-kanak sekolah. Tetapi saya rasa di dalam kawasan bandar oleh kerana murid-murid ataupun kanak-kanak kita sekarang ini berebut-rebut naik bas ataupun banyak yang sakit dan hendak dibawa ke hospital jauh dan susah hendak mendapat rawatan, maka dicadangkan supaya polisi insuran patutlah diadakan kepada kanak-kanak yang mana ibu bapa mereka itu bersetuju supaya kanak-kanak ini keselamatan dirinya terjamin, dan sekiranya terjadi beberapa hal ada orang yang hendak membelanya, terutama sekali anak-anak orang-orang yang miskin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat insuran ini di bawah Kepala berapa?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ini cadangan dalam masaalah Dasar Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Dasar Pelajaran tidak boleh dibincangkan sekarang ini. Dasar perkhidmatan boleh. Dasar perkhidmatan bagi wang yang diuntukkan itu boleh.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Dasar dalam perkhidmatan.

Tuan Pengerusi: Dasar am sudah lepas.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ini dasar mengkaji perkhidmatan. Tuan Pengerusi, dalam berbahasan yang lalu saya telah membangkitkan sekali lagi masalah sikap penuntut-penuntut kita yang tidak boleh ditegur dan pada hari ini inginlah saya membawa secara umum sikap penuntut-penuntut kita yang ada sekarang. Seolah-olah mereka ini ingat Kerajaan ini tidak boleh membuat apa-apa kepada mereka. Apa yang mereka buat ada sahaja orang yang hendak menolong mereka. Seolah-olahnya akan terlepas. Saya rasa sekiranya Kerajaan berlembut sangat pun mereka akan rosak. Seperti bapa dengan anaknya. Kalau bapa itu terlampau baik dibiarkan anaknya memijak kepalanya, tidak dirotan, tidak dimarahnya, yang rugi bapa itu juga, sebab anak itu akan rosak. Jadi kadang-kadang kita malu kerana mereka ini yang bertindak mereka tidak memikirkan masa depan dan seolah-olah seperti kacang lupakan kulit. Lupa asal-usul dan dia suka pula menghentam Wakil-wakil Rakyat. Entah apa silapnya Wakil Rakyat ini pun saya tidak tahu. Apa salahnya kami ini menjadi Wakil Rakyat yang sekarang ini menjadi sasaran. Contohnya, pagi tadi di I.T.K. Rumah saya dekat dengan I.T.K. Saya lalu di situ, oleh sebab dia nampak kereta saya itu maka disorakkannya. Pada hal yang saya tahu tiap-tiap mereka ini kalau hendak masuk ke maktab-maktab dan sebagainya, kalau hendak meminta biasiswa untuk masuk maktab dan sebagainya hendak meminta sokongan, pandai pula mereka mencari kita, Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi: Yang bertinju orang lain dan yang meminta sokongan orang lain. (Ketawa).

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Jadi mereka itu hendak marahkan kepada kita, hendak mencari satu isu, saya rasa perkara-perkara yang berlaku ini mesti ada puncanya. Apa salahnya Kerajaan kita bersikap tegas, potong kepalanya itu ekornya habislah. Saya tak mahu kita tangkap ekornya, kepalanya itu berpusing juga lagi. Jadi saya minta pihak Kerajaan bersikap tegas.

Tuan Pengerusi: Ini ekor apa, macam-macam ekor ada.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, huru-hara yang berlaku itu mesti ada orang yang monitor. Saya sudah cakap dahulu ada satu kuasa luar atau orang yang bertanggungjawab, kerana seperti yang diterangkan oleh sahabat saya dari Kepala Batas, murid-murid yang masuk ke universiti atau maktab itu seperti kain putih, asalnya bersih fikiran mereka, tiba-tiba mereka senang sahaja terikut-ikut, mesti ada sebabnya. Apa yang saya minta pada Kerajaan mencari sebabnya atau kepalanya dari murid-murid itu. Penuntut-penuntut itu mesti ada kepalanya, tangkap kepalanya dan disimpan baik-baik, kalau tidak disembelih.

Tuan Pengerusi: Jika perkara am saya benarkan Yang Berhormat meneruskan ucapan, tetapi kalau yang khusus iaitu rusuhan atau tunjuk perasaan tak boleh.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Bukan tunjuk perasaan; saya bercakap daripada segi am.

Tuan Pengerusi: Di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (2) perkara itu masih sub-judice, tetapi kalau umum, tak mengapa.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ini umum, Tuan Pengerusi. Ini tak ditujukan kepada sesiapa, ini umum yang biasa kita tengok, ini masalah sikap. Maka sebab itulah, Tuan Pengerusi, saya minta kepada Menteri Pelajaran waktu mengkaji dasar pelajaran ini hendaklah jawatankuasa itu memikirkan satu sistem supaya pelajaran ataupun pendidikan yang dijalankan di bangku sekolah tidak boleh atau tidak senang murid-murid ataupun kanak-kanak apabila besar dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab itu.

6.13 ptg.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Saya ingin berucap sedikit di atas P. 23, muka surat 183 Pecahan-kepala 21. Sejauh mana yang saya tahu ramai murid-murid I.T.M. dari Sarawak telah membuat komplek atas kekurangan bantuan yang diberi kepada mereka. Mereka telah diberitahu Kerajaan hendak memberi bantuan atau subsidi lebih kurang \$600 seorang

setahun. Mengikut pandangan saya, murid-murid Sarawak yang menuntut di I.T.M., Shah Alam itu belum mendapat subsidi seperti itu. Jadi kerana itu murid-murid di I.T.M. dari Sarawak berasa tidak puas hati dan juga tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka jika masalaah seperti yang saya bangkitkan itu tidak diatasi oleh Kementerian Pelajaran. Perkara ini telah dibawa untuk perhatian kepada Kerajaan Barisan Nasional di Sarawak, tetapi tidak ada langkah diambil untuk mengatasi perkara ini. Sebab itu, saya suka hendak menarik perhatian Kementerian Pelajaran ini supaya murid-murid yang sedang menuntut di I.T.M. itu dapat dibantu dengan tidak ada gangguan lagi. Dari bantuan yang sangat perlu seperti itu, murid-murid yang menuntut di I.T.M. itu dapat melanjutkan dan lulus pelajaran dan peperiksaan mereka dan dapat menyediakan diri memangku segala jawatan pegawai-pegawai yang dikehendaki oleh negara untuk kemajuan dalam bidang teknik dan perniagaan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit atas P. 24, muka surat 190 Pecahan-kepala 3, Rancangan Latihan Guru. Saya di sini hendak memberi terima kasih kepada Kementerian ini, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri sebab beliau telah memperuntukkan sebanyak \$431.753 untuk Rancangan Latihan Guru di Negeri Sarawak. Jadi, satu negeri yang jauh ketinggalan dalam bidang pelajaran lebih-lebih lagi dalam bilangan guru-guru yang sudah terlatih, sebab kekurangan guru-guru yang sudah terlatih itu terpaksa Jabatan Pelajaran di Negeri Sarawak menggunakan guru yang belum terlatih untuk mengajar dalam sekolah-sekolah rendah di kawasan luar bandar. Itu sebab mutu pelajaran dalam sekolah rendah di luar bandar di Negeri Sarawak sangat jauh kurang jika dibandingkan dengan mutu pelajaran di sekolah rendah di dalam bandar di negeri itu. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya dapat menggalakkan Rancangan Latihan Guru di seluruh Negeri Sarawak supaya guru-guru yang belum dilatih yang sedang mengajar sekarang supaya boleh d'latih dan dapat melanjutkan kewajipan-kewajipan mereka di dalam perkhidmatan pelajaran sampai mereka dapat pencen. Dengan cara seperti itu kita dapat meninggikan semangat guru-guru yang belum berlatih dan telah menggambarkan bahawa mereka ingin menjadi guru sebagai

satu vocation mereka. Di samping itu juga kita patut menambah lagi bilangan guru-guru daripada masyarakat yang berasal dari hulu supaya guru-guru itu dapat bertugas ke tempat dan kampung halaman mereka dan mengajar murid-murid di tempat mereka masing-masing.

6.18 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): Tuan Pengerusi, sukacita saya mendapat peluang ini untuk berucap sepatah dua atas Perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran bagi tahun 1975. Saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Kepala B. 23 Kementerian Pelajaran di bawah Pecahan-kepala 1100, berkenaan dengan Gaji dan Upahan bagi (1) Pentadbiran Am dan bagi (4) Pengurusan Peperiksaan. Jika kita rujuk kepada Anggaran Belanjawan 1975 muka surat 243 Yang Berhormat sekelian boleh nampak sendiri betapa pentingnya tugas-tugas pentadbiran am itu. Pada muka surat 245 dalam buku yang sama kita diberi tahu pula tugas-tugas Lembaga Peperiksaan yang mana tugas-tugas itu adalah sama pentingnya.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak mengemukakan beberapa perkara berkenaan dengan Pentadbiran Am dan Pengurusan peperiksaan oleh Lembaga Peperiksaan itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon berucap terus dalam bahasa Inggeris dan dalam Bahasa Malaysia setakat mana yang boleh.

Tuan Pengerusi: Campur-campur tak apalah tetapi tadi sudah elok, mengapa bertukar haluan pula?

Tuan Mak Hon Kam: Bahagian itu sudah disediakan terlebih dahulu.

Tuan Pengerusi: Lain kali mungkin tak diizinkan langsung dan tak boleh bercakap. Kali ini tak apalah, diizinkan.

Tuan Mak Hon Kam: (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, as we can see, under the Subhead Gaji dan Upahan there is an allocation of \$11 million for General Administration, and we should expect the officers to run the Department efficiently. I would like to bring up a few cases which the Minister concerned should look into to see whether the officers in the Administration have done their jobs properly.

There is one very important case of a school being burnt down in Ipoh. This school is known as Min Sing School in Ampang Village near Ipoh and nine classrooms had been burnt down in that school, thereby affecting the study of over 400 students. This happened on August 28, 1973. Since then, many letters had been written to the Ministry of Education on this matter. So far, one reply was received saying that the matter was receiving attention. This reply was dated 12th September, 1973. Up to now—it is already towards the end of 1974—there is still no sign of any letter regarding the rebuilding of this school. In the meantime, during last year, because of the urgent need of the students to have a roof over their heads for their studies, donations had been asked from the public and thus they managed to put up a temporary shed to house the students. It means that the Ministry of Education has over-looked this matter. I wonder whether there is any emergency fund allocated for such unforeseen things, because in these estimates here I could not find such an item. If there is none, I would suggest that it is a good thing to allocate an emergency fund to cater for such emergency needs.

Touching on the same school building, even up to now, it is still housed in a temporary shed. It is already more than one year. We must show our love to the students whatever it is, because the future of this country depends on how we treat the students and on the sort of treatment the students receive, especially during their school days. I wish to bring this matter up to the Minister and I hope he will look into it.

Another matter connected with the Administration is about the textbooks aid for poor students in Perak. On February 13, 1974, there was a circular issued to all the schools in Perak asking the schools to buy books from one particular source of supplier. There were a lot of complaints from other book sellers because this was tantamount to threatening the livelihood of the other suppliers who were not involved. After this complaint, the circular seemed to have been withdrawn and then schools were allowed to buy books from other suppliers as well. Unfortunately in August 1974, i.e. two months ago, there was another circular regarding the library books and magazines which can be bought by the schools by making use of the library grant given by the Government. Again, there was a

Newsletter, which I suppose they issue once a month, where it was stated that all the magazines and library books to be bought with the Government grant must be bought from one particular source, which happened to be in Kuala Lumpur. If the Government were to give grants to the schools, to help the schools, then I would suggest that the Government should advise the schools to buy from the cheapest source possible. But in this case, the schools were asked to buy only from one particular book store in Kuala Lumpur, which meant that there would be additional cost of transportation, as well as threatening the livelihood of other library books suppliers from Perak. So, a lot of complaints had been received. I do not know what the Ministry of Education is going to do about this. Anyway, I would like to see something done on this. As we can see, there is so much to be spent on the Administration. Hence suitable officers must be employed so that they can run the Department efficiently. In the case that I mentioned, it seems that every officer has the right to issue circulars, whereby it may be of some benefit to them. Otherwise why should they send a circular to schools asking them to buy from one particular source? If it is the Government book supplier, then there is no need to give the grant and ask them to buy books back from them. This is more or less redundant. Anyway an investigation had been done on that, and it was found that it was a private book supplier.

My second point is on the conduct of the examinations. As has been written down in this Anggaran Belanjawan, there is a Board of Examiners for conducting examinations and setting questions for them. Unfortunately, lately, there was a leakage of an examination paper. This is very serious, because, if this happens, it can destroy the aim of examinations. It happened only in the case of one paper, but it may happen in the case of other papers as well. This will take away the confidence of the public in the education system. The Minister concerned should give this matter serious consideration. We should not allow this. We should make sure that there would not be any leakage at all in future; otherwise the teachers will rely on this last minute leakage to help obtain good results for the students. The students will also in turn rely on the last minute leakage of the question papers. We must not allow this

to happen again. This means that the students should forget about any chances of such leakages in the future.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Mak Hon Kam: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 5hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.